



KERATAN AKHBAR ISU-ISU SEMASA INTEGRITI 2024 (OKTOBER)

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU





SINAR HARIAN

01.10.2024
(SELASA)

Ujian poligraf siasat kes rasuah

SPRM tubuh pasukan khas perluaskan teknik siasatan

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
dan HISYAMUDDIN AYUB
PUTRAJAYA

Suspek melibatkan kes rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa bakal menjalani ujian poligraf bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Difahamkan, ketepatan ujian poligraf yang dijalankan itu boleh mencapai sehingga 97 peratus dan diyakini mampu menyelesaikan kes-kes yang kompleks melibatkan jenayah tersebut.

SPRM telah menubuhkan satu pasukan khas yang dilengkapi dengan peralatan moden dan canggih termasuk menjalani latihan khusus bagi memperkembangkan teknik dan metodologi siasatan berikutan jenayah rasuah yang semakin kompleks di era digital dan globalisasi.

Sotakat Mac lalu, seramai 16 pegawai SPRM telah berjaya menerima pentauliah sebagai pemeriksa poligraf selepas mengikuti pelbagai modul latihan yang merangkumi penguji jenayah dan proses saringan selama tiga bulan.

Mereka juga menjalani latihan berbentuk teori dan praktikal diendalikan oleh lima orang tenaga pengajar dari Amerika Syarikat dan United Kingdom.

Latihan Poligraf Bersertifikasi ini julung kali diadakan dengan kerjasama Pertubuhan Poligraf Amerika (APA) sekali gus menandakan komitmen SPRM dalam memperkasakan integriti dan usaha-usaha membanteras gejala rasuah di Malaysia melalui sains poligraf.

Selain itu,

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) di Kuala Lumpur telah disaran menjadi hub program latihan tersebut.

Seramai 16 pegawai SPRM telah berjaya menerima pentauliah sebagai pemeriksa poligraf yang diadakan di Dewan Tuan Ismail, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), Kuala Lumpur, Mac lalu.



Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, penubuhan pasukan itu merupakan hasil kerjasama APA dengan pegawai SPRM diberi pendedahan dan latihan untuk memantapkan kemahiran serta pengendalian poligraf sekali gus memperkasakan keberhasilan siasatan.

"Penggunaan poligraf dalam siasatan adalah penting. Teknik ini boleh ketahui individu itu menipu atau sebaliknya berikutan hasil keputusan mencapai 97 peratus ketepatan," katanya dalam temu bual eksklusif di Ibu Pejabat SPRM di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Azam berkata, corak jenayah rasuah pada masa kini dilihat semakin kompleks dan merentas sempadan di mana penjenayah memanipulasi teknologi termasuk menggunakan mata wang maya seperti bitcoin, etherium dan sebagainya bagi menyorok jejak kewangan.

"SPRM sentiasa peka terhadap aspek ini bagi memastikan pegawai satu langkah di depan mengenal perubahan corak je-

nyah rasuah," katanya.

Menurutnya, SPRM telah mengembangkan teknik dan metodologi penyiasatan seperti Penyiasatan Berasaskan Perisikan (IBI).

"Bukan itu sahaja, kami juga menghantar pegawai meningkatkan kepakaran penggunaan teknologi dan ilmu penyiasatan menerusi kerjasama agensi dalam dan luar negara.

"Bahagian Forensik Teknologi SPRM juga dilatih secara berkala untuk melakukan forensik seperti menjejak kewangan serta transaksi pengubahan wang haram dan sejak tahun lalu, kita telah dilantik sebagai peneraju Kumpulan Kerja Forensik Digital (KKFD)," ujarnya.

Tambahnya, KKFD dibentuk daripada agensi-agensi yang mempunyai makmal forensik digital seperti CyberSecurity Malaysia (CSM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Bank Negara Malaysia (BNM), Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Peguam Negara (AGC) serta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Katanya, ia berfungsi sebagai platform untuk berkongsi pengetahuan, kepakaran serta amalan terbaik dalam menjalankan siasatan digital.

Menurut Azam, kerjasama strategik memerangi jenayah rasuah kewangan dilakukan menerusi penubuhan Pasukan Khas Siasatan Jenayah Kewangan oleh Bahagian Analisa Kewangan (BAK) SPRM.

"Pasukan ini turut disertai Jabatan Audit Negara Malaysia (JANM), Akauntan Negara Malaysia (ANM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Universiti Teknologi Mara (UITM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Institut Akauntan Malaysia (IMA), Institut Setiausaha dan Pentadbir Bertauliah Malaysia (MAICSA) serta Universiti Multimedia Malaysia (MMU)," ujarnya.

1 SPRM ditubuhkan pada 1 Oktober 1967 dengan nama Badan Pencegahan Rasuah (BPR).

2 Pada 2008, Parlimen bersetuju supaya SPRM diwujudkan bagi menggantikan BPR.

3 SPRM dikuatkuasakan dengan Akta SPRM 2009.

4 Mesyuarat Jawat Menteri pada 8 Mei 2024 bersetuju penubuhan Pasukan Tugas Khas Indeks Persepsi Rasuah (CPI).

5 Bagi meningkatkan CPI Malaysia ke-25 teratas dalam 10 tahun, kerajaan telah melancarkan Strategi Pemberantasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2029.

6 Langkah SPRM kekal relevan:

- Kerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk pendidikan antirasuah dan Program Wira Antirasuah
- SPRM dan institusi pengajian tinggi (IPT) anjur Angkatan Mahasiswa Antirasuah (AMAR) serta Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) dijadikan sebagai modul wajib
- Pendekatan baharu di media sosial
- Inisiatif pengesanan cukai untuk syarikat anjur program antirasuah

Kes skala besar

Dalam pada itu mengulas mengenai sektor penguatkuasaan dikatakan antara sektor paling terdedah dengan rasuah, Azam berkata, SPRM akan memfokuskan terhadap perkara terbabit selain perolehan isu rasuah berskala besar.

"Sepanjang 2024, SPRM telah melaksanakan empat operasi berskala besar iaitu Op Samba melibatkan kegiatan penyeludupan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dengan ketirisan lebih RM2 bilion sejak tiga tahun lalu dan 23 pegawai kastam telah dituduh.

"Op Transit pula membabitkan penyeludupan di Pelabuhan Klang yang menyebabkan ketirisan lebih RM3.5 bilion

“

Bukan itu sahaja, kami juga menghantar pegawai meningkatkan kepakaran penggunaan teknologi dan ilmu penyiasatan menerusi kerjasama agensi dalam dan luar negara.”

Azam



SINAR HARIAN

01.10.2024
(SELASA)

sejak 10 tahun lalu, manakala Op Pump membabitkan pegawai imigresen yang bersekongkol dengan sindiket bawa masuk warga asing di KLIA dan KLIA2.

"Selain itu, Op Liter yang dilaksanakan di Sibu, Sarawak membongkar ketirisan RM400 juta sejak 2012 akibat pencurian diesel bersubsidi yang diperuntukkan kepada nelayan," ujarnya.

Ujarnya lagi, penguat kuasa merupakan barisan hadapan negara dan golongan itu sepatutnya bebas daripada rasuah.

"Kalau melibatkan penguat kuasa mengambil rasuah di *checkpoint* adalah amat malang kerana itu orang pertama yang dijumpai pelawat dan telah membawa persepsi tidak baik.

"Mereka yang terlibat dengan jenayah ini telah menikmati wang haram, kita perlu ambil duit itu kembali kerana itu duit rakyat. Jadi usaha ke arah itu sedang dibuat," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan maklumat yang diterima, hampir RM30 bilion duit berada di pasaran gelap hasil kejayaan menumpaskan jenayah sindiket.

"Wang ini boleh dikembalikan kepada kerajaan sekiranya agensi-agensi penguat kuasa khususnya yang berada di barisan hadapan dapat menjalankan amanah dengan menguatkuasakan bidang tugas

berdasarkan peruntukan undang-undang yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

"Jika tidak, jenayah akan terus berlaku melalui aktiviti penyeludupan, dadah, judi dan maksiat yang akan memusnahkan negara dari segi budaya termasuk sahsiah rakyat," katanya.

Malah, Azam memberitahu, bagi memperkasakan lagi tindakan operasi SPRM, Pasukan Taktikal SPRM (ACTS) telah ditubuhkan.

"Pasukan dianggotai 20 pegawai dan lengkap bersenjata selain dilatih oleh VAT 69 Komando ini terlibat dalam operasi berisiko tinggi serta kritikal bagi melumpuhkan rangkaian sindiket," katanya.

Bongkar kes profil tinggi

Menurut Azam, selain sindiket, SPRM juga berjaya membongkar kes-kes berprofil tinggi yang menyebabkan ketirisan wang, kehilangan dana serta wang negara berbilion ringgit.

"Sebagai contoh, SPRM bertindak memulangkan berbilion wang negara menerusi kes 1 Malaysia Development Berhad (1MDB).

"Sehingga kini SPRM memulihkan aset 1MDB berjumlah RM29 bilion atau hampir 70 peratus daripada wang di-



SPRM terus membongkar kes salah laku dengan penahanan beberapa individu termasuk anggota penguat kuasa pada Ogos lalu untuk siasatan *counter setting* di pintu masuk negara.

selewengkan dengan menggunakan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram.

"Ia merupakan peratusan yang amat dibanggakan kerana purata pemulihan aset sedunia adalah kira-kira 30 peratus.

"Isu rasuah ini jika sudah sampai 'kanser' tahap empat, ia sudah jadi barah dan tidak berguna lagi ada agensi seperti kami (SPRM)," katanya.

Beliau berkata, dalam usaha mengurangkan kadar ketirisan negara, SPRM perlu membabitkan semua kaedah pendekatan seperti pengoperasian, pencegahan serta pendidikan masyarakat.

"Jika lima tahun lalu, boleh dikatakan SPRM mengambil perhatian terhadap semua kes termasuk sekecil-kecil kes yang dilaporkan.

"Namun kini SPRM memberi fokus mengurangkan ketirisan negara kepada aktiviti rasuah atau korupsi dalam sektor penguatkuasaan, perolehan dan *grand corruption*," ujarnya.

Dalam sektor penguatkuasaan sebagai contoh, Azam berkata, terdapat golongan yang membiarkan cukai-cukai tidak dikutip atau membiarkan tindakan-tindakan sewajarnya tidak dilaksanakan.

"Terdapat juga golongan penguat kuasa yang membiarkan pelbagai akti-

viti penyeludupan berlaku. Ini semua akan menyebabkan ketirisan besar kepada negara.

"Ketirisan terjadi apabila tidak ada tindakan diambil ke atas kesalahan yang berlaku, seterusnya menyebabkan negara mengalami kerugian dan berlaku penipuan dalam perolehan," katanya.

Babit penjawat awam

Dalam pada itu, beliau turut mengulas isu yang melibatkan penjawat awam bagi tempoh lima tahun bermula 2020.

Sepanjang tempoh itu katanya, sebanyak 30,483 maklumat diterima dan daripada jumlah itu, 17,892 maklumat atau 58 peratus adalah berkait penjawat awam.

"Kita telah buka 2,123 kertas siasatan dan seramai 2,046 individu ditahan dengan 1,036 pertuduhan serta 464 sabitan penjawat awam," katanya.

Azam berkata, sebanyak 1,124 kes direkodkan melibatkan penerimaan rasuah, memberi rasuah (19 kes), kemuka tuntutan palsu (445), salah guna kuasa (320 kes), Kanun Keseksaan (153 kes) serta pengubahan wang haram (57 kes).

"Mengenai cuci duit ini, mereka akan letak di banyak tempat selain melibatkan proksi untuk beli aset," ujarnya.



Pasukan Taktikal SPRM ditugaskan untuk operasi kritikal dan berbahaya.



SINAR HARIAN

01.10.2024
(SELASA)

Tiris RM277 bilion dalam tempoh lima tahun

KETIRISAN menjadi punca negara mengalami kerugian dan kehilangan sebanyak RM277 bilion sejak lima tahun lalu.

Justeru Azam berkata, kerugian akibat ketirisan dan rasuah dalam jumlah besar itu perlu diselamatkan oleh negara.

"Bagi mengatasi isu ketirisan dan rasuah, SPRM perlu mempunyai pegawai risikan terlatih serta berkemahiran.

"Malah kita perlu menggunakan perisian lebih canggih dan ia mesti dibantu dan disediakan oleh kerajaan.

"Penyiasatan perlu lebih berkesan dengan adanya pakar-pakar dalam bidang tertentu, perlu ada teknologi forensik serta pakar dalam bidang perakaunan.

"SPRM juga perlu ada pegawai yang boleh membuat analisa dalam satu-satu kes berprofil tinggi," ujar beliau.

Menurutnya, dengan kerjasama LHDN, SPRM berjaya mengutip RM500

juta tahun ini untuk dikembalikan kepada kerajaan.

"Jadi ini satu pemangkin yang bagus jika lebih banyak kerjasama dalam penguatkuasaan undang-undang dan tindakan proaktif diambil, sudah tentu lebih banyak ketirisan hasil daripada kegiatan jenayah dapat dikembalikan kepada negara.

"Ia sedikit sebanyak boleh membantu kos operasi pihak berkuasa dalam negeri," katanya.

Sehubungan itu, Azam berkata, SPRM perlu berubah dari masa ke masa bagi mencapai tahap lebih baik.

"Perubahan perlu dilakukan dalam pelbagai aspek termasuk pendekatan penyiasatan," katanya.

Beliau berkata, perkara itu sangat penting kerana ia menjadi tulang belakang kepada kejayaan SPRM.

"Sekiranya saya nak bandingkan pada masa sekarang dan lima tahun lepas, banyak perubahan yang telah kita

lakukan dalam aspek pendekatan penyiasatan.

"Selepas berakhirnya Covid-19, kita nampak pelbagai kesan kepada masalah ekonomi sehingga menyebabkan kita semua merasai kesannya.

"Jadi SPRM perlu membuat satu pendekatan dan menyusun strategi yang berbeza dari dahulu kerana kita perlu membantu negara meningkatkan ekonomi dan pastinya menurunkan kadar rasuah," ujarnya.

Azam berkata, sehingga kini, SPRM berjaya mencapai banyak kejayaan dalam usaha menambah baik dan melakukan reformasi dalam suruhanjaya tersebut.

Jelas beliau, antara kejayaan itu adalah kaedah penyiasatan, peningkatan kadar pendakwaan, perubahan dasar integriti serta tatakelola dan peningkatan kesedaran awam dalam hal-hal isu rasuah.

"Isu-isu rasuah ialah perkara yang

proksi untuk beli aset," ujarnya.



SPRM menyita wang tunai RM3.7 juta melibatkan siasatan kes penyelewengan diesel bersubsidi di Sibu, Sarawak.

perlu sentiasa dipantau dan ditangani sebelum ia menjadi budaya atau kanser kepada masyarakat.

"Masyarakat akan menjadi huru-hara dengan pemikiran yang korup.

"Apabila ini terjadi, semua akan mendapat bencana apabila rasuah menguasai isu-isu sosial, ekonomi dan masyarakat," ujarnya.



BERITA HARIAN

01.10.2024
(SELASA)

Anwar ulangi komitmen kerajaan banteras gejala rasuah

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengulangi komitmen kerajaan dalam menangani rasuah bagi meningkatkan keyakinan pelaburan asing dan tempatan.

Perdana Menteri berkata, beliau mengambil pendekatan yang tegas dalam menangani masalah dan gejala rasuah.

"Kita perlu menyelamatkan negara, bagi saya masalah utama adalah tadbir urus yang lemah dan rasuah yang berleluasa," katanya dalam temu bual

bersama *CNBC*.

Anwar berkata, pelabur akan lebih yakin apabila melihat konsistensi yang telus dan komitmen kukuh untuk menghapuskan rasuah.

"Tanpa kepercayaan dan keyakinan itu, tiada siapa yang akan melabur secara besar-besaran. Kecuali mereka yang mempunyai aturan rasuah, mereka akan teruskan. Tetapi itu mesti dihentikan, nasib baik ia sudah berhenti.

"Walaupun begitu, kami

masih meneruskan misi ini kerana rasuah hampir sistemik. Apabila ia menjadi sistemik, misi dan usaha melawan rasuah mesti dilakukan dengan sepenuh tenaga," katanya.

Menjawab soalan *CNBC* sekiranya kerajaan bertindak terlalu cepat dan keras dalam membanteras rasuah, Anwar berkata, sekiranya ada pilihan beliau akan mengejar mereka tanpa belas kasihan.

Bagaimanapun, katanya, beliau perlu berbincang dengan

parti gabungannya untuk mencari kaedah terbaik menyelesaikan isu berkenaan.

"Saya tegaskan jika mereka bertindak terlalu lambat dan tidak berkesan, negara tidak akan dapat diselamatkan.

"Saya rasa sekarang kita mendapat kemajuan yang cukup untuk menunjukkan misi ini akan diteruskan," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun tidak bercakap secara khusus mengenai sebarang kes rasuah mahupun menyebut nama

mana-mana bekas pemimpin dalam temu bual terbabit.

Namun, beberapa kes rasuah masih menjadi tajuk utama apabila perbincangan mengenai tadbir urus yang baik di negara ini berlangsung.

Satu daripada kes yang mendapat tumpuan ialah skandal pengubahan wang haram, di mana bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak didapati bersalah menggelapkan jutaan dolar daripada dana 1 Malaysia Development Berhad (1MDB).



BERITA HARIAN

01.10.2024
(SELASA)

Siasatan tatakelola antara strategi transformasi SPRM

Suruhanjaya tumpu aspek perolehan, agensi penguatkuasaan dan rasuah besar-besaran

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Penekanan penyiasatan terhadap tatakelola menjadi antara strategi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam transformasi strukturnya bagi memberantas rasuah di negara ini, dengan tumpuan kepada aspek perolehan, agensi penguatkuasaan dan *grand corruption* (rasuah besar-besaran).

Serentak itu, Bahagian Peme-

riksaan dan Perundingan (PERUN) SPRM kini dijenamakan semula kepada Bahagian Penyiasatan Tatakelola (BPT) bagi memberi ia 'taring' memastikan hasil penyiasatan tatakelola dilaksanakan jabatan berkenaan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata pihaknya melihat perkara itu penting untuk menutup ruang dan peluang rasuah dalam memperkasakan tadbir urus serta amalan tatakelola.

Beliau berkata, SPRM turut memperkasakan operasinya dengan menubuhkan Pasukan Taktikal Anti Rasuah (ACTS) bagi membantu melaksanakan operasi antirasuah berisiko tinggi.

"Pasukan elit ini dikerah untuk melumpuhkan rangkaian sindiket dalam Op Liter baru-baru ini membabitkan penyelewengan diesel bersubsidi sehingga menyaksikan sebanyak 1.6 juta liter diesel dan wang tunai RM3.7 juta berjaya dirampas.

"Penubuhan Pasukan Poli-

graf SPRM dengan kerjasama American Polygraph Association, di mana pegawai SPRM diberi pendedahan dan latihan untuk memantapkan kemahiran dan pengendalian poligraf, sekali gus memperkasakan keberhasilan siasatan," katanya.

Beliau memberitahu demikian dalam sesi wawancara bersama media tempatan sempena ulang tahun SPRM ke-57 disambut pada 1 Oktober setiap tahun.

Bantu kurangkan ketirisan

Azam berkata, transformasi terhadap strukturnya itu diharapkan dapat memastikan usaha yang digembleng membantu negara mengurangkan ketirisan serta mengembalikan aset dan wang yang diseleweng.

Katanya, transformasi itu penting bagi menambah baik pendekatan penugasan dan memperkasakan fungsi serta peranan setiap bahagian supaya lebih efektif dalam menjalankan tugas.

"Sebagai Ketua Pesuruhjaya, saya akan *revamp* (mengubah) pendekatan digunakan SPRM, termasuk amalan cara bekerja dan berfikir supaya SPRM tidak berada dalam keadaan selesa.

"Jadi, kita kena melalui transformasi untuk meningkatkan keberkesanan dan kepakaran supaya pegawai (SPRM) lebih profesional dan melaksanakan kerja yang berimpak," katanya.

Mengulas mengenai agensi penguatkuasaan yang dikatakan antara sektor paling terdedah dengan rasuah, beliau berkata, penguat kuasa sebagai barisan hadapan negara seharusnya bebas daripada amalan terbabat.

Jelasnya, sepanjang tahun ini, SPRM sudah menjalankan beberapa operasi membabitkan agensi penguatkuasaan bagi menangani gejala rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan ketirisan wang negara.

Ditanya mengenai strategi penyiasatan SPRM dalam meng-

SPRM turut memperkasakan operasi dengan menubuhkan Pasukan Taktikal Anti Rasuah (ACTS) bagi membantu melaksanakan operasi antirasuah

berisiko tinggi

Azam Baki,
Ketua
Pesuruhjaya
SPRM



hadapi cabaran rasuah yang semakin kompleks, Azam berkata, pihak sentiasa peka terhadap aspek berkenaan.

"Bagi memastikan pegawai SPRM sentiasa selangkah di hadapan terhadap perubahan corak jenayah rasuah, kami mengembangkan teknik dan metodologi penyiasatan, misalnya Intelligence Based Investigations (IBI), selain menghantar pegawai meningkatkan kepakaran penggunaan teknologi dan ilmu penyiasatan menerusi kerjasama dengan agensi dalam dan luar negara," katanya.



BERITA HARIAN

01.10.2024
(SELASA)

'Maszlee ada maklumat bantu siasatan 1BestariNet'

Petaling Jaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapati bekas Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik, mempunyai maklumat yang boleh membantu siasatan pihaknya berkaitan projek 1BestariNet.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata beliau sendiri mengarahkan pegawai penyiasatnya berjumpa Maszlee kerana percaya bekas menteri itu mempunyai maklumat yang boleh membantu siasatan SPRM.

"Antara perkara yang kita (SPRM) hendak lihat adalah mengenai isu berkaitan dengan perkhidmatan, data, perolehan dan sebagainya.

"Kita juga bertanya, kepada beliau mempunyai satu pandangan menentang kontrak ini disambung dan sebagainya.

"Jadi, ada perkara lain yang saya tak boleh dedahkan, tapi lebih kurang itu antara skop yang kita tanyakan beliau dan ada beberapa maklumat lagi yang saya tak boleh kongsi diperoleh daripadanya," katanya ketika ditemui wartawan selepas menjadi tetamu pada program *Malaysia Hari Ini (MHI)* di Sri Pentas, Bandar Utama di sini, semalam.

Azam berkata, segala maklumat diperoleh hasil pertemuan dengan Maszlee itu akan diambil tindakan lanjut oleh SPRM.

Kelmarin, Azam mengesahkan bahawa pegawai penyiasat

SPRM berjumpa dengan Maszlee bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan projek itu, minggu lalu.

Pada 6 September lalu, Maszlee dilaporkan mendedahkan bahawa isu 1BestariNet menjadi antara faktor yang membawa kepada peletakan jawatannya sebagai Menteri Pendidikan pada Januari 2020.

Maszlee mendakwa Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad memintanya berbuat demikian, di atas permintaan Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Ketika ditanya sama ada terdapat dokumen diserahkan oleh Maszlee kepada SPRM ketika pertemuan itu, Azam me-

ngesahkan terdapat beberapa dokumen diserahkan, namun enggan mendedahkan butiran-nya.

"Setakat ini, belum ada tangkapan dan kita perlu menyiasat lebih lanjut. Kes ini seperti saya pernah sebut di mana antara area (kawasan) ataupun sektor yang kita telah kenal pasti ialah servis data yang diberikan kepada 8,000 sekolah.

"Kita sudah pun mengenal pasti sekolah dan area (kawasan) tertentu yang mana kita jangka berkemungkinan tidak dibekalkan data tetapi dibuat tuntutan (bayaran). Jika benar ia berlaku tuntutan palsu, ia adalah satu kesalahan mengikut akta kita (Akta SPRM) sehingga

bayaran dibuat," katanya.

Jelas Azam, perkara itu akan menjadi fokus siasatan pihak SPRM ketika ini untuk memastikan sama ada benar berlaku tuntutan bayaran palsu atau sebaliknya.

Ketika ditanya sama ada pihak SPRM sudah mengenal pasti sekolah yang dikaitkan dengan tuntutan palsu berkenaan, Azam berkata, siasatan akan dijalankan dalam masa terdekat.

"Belum lagi (ada sekolah di-kenal pasti buat tuntutan palsu). Kita akan mulakan tidak lama lagi di mana sekolah-sekolah berkenaan akan dilawati oleh pegawai penyiasat dengan membekalkan dokumen tuntutan yang tertentu," katanya.



BERITA HARIAN

01.10.2024
(SELASA)

Petaling Jaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) percaya bekas Menteri Pendidikan Dr Maszlee Malik mempunyai maklumat bagi membantu siasatan pihaknya berkaitan iBestariNet.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, beliau sendiri mengarahkan pegawai penyiasatnya untuk berjumpa Maszlee kerana percaya bekas menteri itu mempunyai maklumat yang boleh membantu siasatan SPRM.

Menurutnya, antara perkara yang ingin dilihat adalah berkaitan servis data, perolehan dan sebagainya.

"Kita juga bertanya kepada beliau (Maszlee) kenapa mempunyai satu pandangan menentang supaya kontrak ini disambung dan sebagainya.

"Jadi ada perkara lain yang saya tak boleh dedahkan, tetapi lebih kurang itu antara skop yang kita tanyakan beliau dan ada be-

'Saya arah pegawai penyiasat SPRM jumpa dengan Dr Maszlee Malik'

berapa maklumat lagi yang saya tak boleh share (kongsi) di sini yang kita perolehi daripada beliau," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui wartawan selepas menjadi tetamu pada program Malaysia Hari Ini (MHI) di Sri Pentas, Bandar Utama di sini, semalam.

Azam berkata, segala maklumat diperoleh hasil pertemuan Maszlee itu akan diambil tindakan lanjut oleh pihak SPRM.

Kelmarin, Azam mengesahkan bahawa pegawai penyiasat SPRM berjumpa dengan Maszlee bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan projek itu, minggu lalu.

Pada 6 September lalu, Maszlee dilaporkan mendedahkan bahawa isu iBes-

"Jadi ada perkara lain yang saya tak boleh dedahkan"

*Ketua Pengarah SPRM,
Tan Sri Azam Baki*



tariNet menjadi antara faktor yang membawa kepada peletakan jawatannya sebagai Menteri Pendidikan pada Januari 2020.

Maszlee mendakwa Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad memintanya berbuat demikian atas permintaan Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu),

Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Ketika ditanya sama ada terdapat dokumen diserahkan oleh Maszlee kepada SPRM semasa pertemuan itu, Azam mengesahkan terdapat beberapa dokumen diserahkan namun enggan mendedahkan butirannya.

"Setakat ini belum ada tangkapan dan kita perlu

menyiasat lebih lanjut. Kes ini seperti saya pernah sebut di mana antara area (kawasan) ataupun sektor yang kita kenal pasti adalah mengenai servis data yang diberikan kepada 8,000 sekolah.

"Kita sudah pun mengenal pasti sekolah dan area tertentu yang mana kita jangka berkemungkinan tidak dibekalkan data tetapi dibuat tuntutan (bayaran). Jika benar ia berlaku tuntutan palsu, ia menjadi satu kesalahan mengikut akta kita (Akta SPRM) sehingga bayaran dibuat," katanya.

Beliau berkata, perkara itu akan menjadi fokus siasatan pihak SPRM ketika ini untuk memastikan sama ada benar berlaku tuntutan bayaran palsu atau sebaliknya.

"Belum lagi (ada sekolah

dikenal pasti buat tuntutan palsu). Kita akan mulakan tidak lama lagi di mana sekolah berkenaan akan dilawati oleh pegawai penyiasat dengan berbekalkan dokumen tuntutan yang tertentu.

"Kita kena lihat kepada prasarana dan data yang dibekalkan pada ketika itu, betul ada atau sebaliknya. Banyak maklumat yang kita perolehi sebelum ini untuk disahkan daripada pihak sekolah berkenaan.

"Kita tidak akan pergi ke sekolah sampai 8,000 tapi kita akan ambil sampel dan wilayah yang tertentu untuk kita siasat dan kenal pasti apa masalahnya," katanya.

Terdahulu, media melaporkan SPRM memulakan siasatan ke atas tuntutan bayaran bagi tender perkhidmatan iBestariNet bernilai RM4 bilion yang dianugerahkan kepada YTL Communications Sdn Bhd (YTL) pada 2011.



SINAR HARIAN

01.10.2024
(SELASA)

ABMS langkah strategik cegah rasuah dalam sektor pembinaan

SHAH ALAM - Cadangan agar syarikat pembinaan mendapatkan pensijilan MS ISO 37001 Anti-Bribery Management System (ABMS) adalah langkah yang baik untuk membanteras rasuah dalam sektor tersebut.

Yang Dipertua Pertubuhan Ikram Malaysia (Ikram) Kuala Lumpur, Zainal Adnan Abdul Halim berkata, pelaksanaan itu sangat dialu-alukan memandangkan ia merupakan sistem pengurusan antirasuah yang berpiawai antara-bangsa.

"Bukan itu sahaja, pasukan audit dalaman yang mantap juga perlu diperkasakan peranan secara teliti. Audit perlu dijalankan bukan sahaja setahun sekali tetapi secara berterusan sepanjang

tempoh projek.

"Proses audit tidak harus tertumpu pada kewangan sahaja tetapi juga meliputi proses lain yang berkaitan dengan projek tersebut," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Sabtu.

Media sebelum ini melaporkan, kelemahan sistem tatakelola dan salah guna kuasa dalam sektor pembinaan akan menjadi tumpuan

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam memerangi isu rasuah di negara ini.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri



ZAINAL ADNAN

Azam Baki berkata, sektor pembinaan dilihat terdedah kepada berlakunya kes rasuah kerana ia melibatkan banyak peluang untuk projek dilaksanakan.

Dalam pada itu, Zainal Adnan memaklumkan, faktor terjadinya rasuah dalam sektor tersebut adalah disebabkan banyak transaksi kewangan dalam jumlah yang besar, melibatkan banyak pihak berkepentingan dan pelbagai peraturan yang kompleks.

"Projek pembinaan terutama berskala besar seperti infrastruktur awam banyak memerlukan dana yang sangat banyak.

"Jadi ia membuka peluang kepada

pihak tertentu untuk memanipulasi perjanjian atau pemberian kontrak demi keuntungan peribadi atau syarikat," ujarinya.

Tambah Zainal Adnan, bukan sektor pembinaan sahaja yang berdepan risiko rasuah malah malah sektor lain yang terlibat dengan kawalan ke atas sumber penting, keputusan besar atau jumlah dana yang besar juga terdedah kepada perkara sama.

"Sebagai contoh dalam sektor kerajaan yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dana awam, pembuatan polisi, pemberian lesen dan kelulusan projek.

"Rasuah boleh berlaku melalui penyalahgunaan kuasa, suapan untuk meluluskan sesuatu dan manipulasi dalam proses tender," katanya.

**RASUAH
BUSTERS**



SINAR HARIAN

02.10.2024
(RABU)

Penjawat awam sering dipindahkan akan sedar prestasi mereka sentiasa dinilai dan dipantau

Oleh SITI NOOR FAEZAH MUDA
SHAH ALAM

Pelaksanaan pusingan kerja dalam perkhidmatan awam merupakan instrumen penting dalam memerangi ketirisan dana awam, penyalahgunaan kuasa dan amalan rasuah.

Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW), Jais Abdul Karim berkata, pihaknya menyokong penuh arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz yang mengarahkan semua ketua jabatan melaksanakan pusingan kerja pada masa akan datang.

Menurutnya, pelaksanaan pusingan kerja tidak hanya berfungsi sebagai mekanisme untuk menggalakkan dinamik dalam perkhidmatan awam tetapi mampu memutuskan rangkaian

berpotensi membawa kepada amalan rasuah.

"Ini adalah satu langkah proaktif di bawah Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam yang bertepatan dengan keperluan semasa untuk memastikan integriti dan ketelusan diutamakan dalam setiap lapisan pentadbiran kerajaan.

"Pusingan kerja dapat mengelakkan pegawai daripada terlalu lama di satu-satu jawatan dan mengurangkan risiko berlaku ketirisan atau salah guna kuasa," katanya dalam satu kenyataan.

Sebelum ini, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengarahkan semua ketua jabatan melaksanakan pusingan kerja di organisasi masing-masing bermula Oktober sebagai inisiatif Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam.

Menurutnya, inisiatif

Ketua jabatan berdepan tindakan tatatertib jika gagal laksana pusingan kerja



Keratan *Sinar Harian* siaran 26 September 2024.

Pusingan kerja mampu banteras kes rasuah

RASUAH
BUSTERS



Jais

itu antara usaha bagi memastikan setiap kementerian dan jabatan berupaya meningkatkan penyampaian perkhidmatan secara optimum dan berkesan.

Tambah Jais, pegawai yang sering dipindahkan akan lebih berhati-hati dalam melaksanakan tugas kerana sedar bahawa prestasi mereka sentiasa dinilai dan dipantau oleh pelbagai pihak.

Ujarnya, peluang mempelajari tugas baharu dan meluaskan kompetensi membantu pegawai awam lebih bermotivasi dan berdaya saing, sekali gus meningkatkan prestasi serta kualiti penyampaian perkhidmatan.

"MCW percaya kegagalan melaksana-

kan pusingan kerja boleh membawa kesan negatif yang lebih besar terhadap keberkesanan perkhidmatan awam dan integriti negara.

"Oleh itu, kami menyambut baik tindakan tatatertib akan dikenakan ke atas ketua-ketua jabatan yang gagal mematuhi arahan ini seperti dinyatakan dalam Peraturan 4 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993," katanya.

Dalam pada itu, Jais berkata, MCW yakin usaha memerangi rasuah akan terus diperkuat dengan sokongan kepada inisiatif reformasi seperti itu.

Tegasnya, MCW menyeru semua pihak dalam perkhidmatan awam bekerjasama bagi memastikan pelaksanaan pusingan kerja dijalankan dengan telus, adil dan berkesan.

"Dengan langkah tegas seperti ini, MCW percaya negara berada di landasan betul untuk memperkukuh integriti perkhidmatan awam dan melahirkan sebuah pentadbiran bebas daripada rasuah," katanya.



Teknologi bantu siasatan SPRM lebih cepat, teratur

Pegawai penyiasat juga dilengkapi dengan ilmu mengesan wang rasuah disorok

Bernama

Putrajaya

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memperkakan penggunaan teknologi dalam kaedah penyiasatan mereka seiring dengan perkembangan jenayah rasuah yang semakin rumit dan kompleks.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, berbanding lima tahun lalu, kaedah penyiasatan suruhanjaya kini berubah dan ditambah baik dengan penggunaan sistem sumber terbuka *open-source system* yang mampu mengumpul maklumat bagi membina profil seseorang suspek dalam tempoh yang singkat.

Beliau berkata, sistem yang digunakan secara meluas di peringkat antarabangsa ini membolehkan SPRM melakukan analisis terhadap lokasi suspek serta mengumpul maklumat yang diperlukan sebelum tindakan siasatan lanjut diambil.

"Kini, pegawai kami tidak lagi perlu melakukan pemantauan di lapangan terhadap suspek, yang mungkin memakan masa. Dengan kae-

dah ini, kami mengurangkan keperluan penggunaan tenaga manusia dalam siasatan, sambil meningkatkan kelajuan penyiasatan yang seterusnya banyak membantu dalam proses pendakwaan.

"Kita memperkembangkan cara pegawai menjalankan risikan dan siasatan. Jika lima tahun lalu, kami lebih banyak bergantung kepada pegawai risikan di lapangan, kini kami menggunakan sistem yang ada menganalisis serta mengesan suspek," katanya dalam satu wawancara khas sempena ulang tahun ke-57 SPRM di pejabatnya.

Azam menjelaskan dengan bantuan teknologi tersebut, penyiasatan dan risikan terhadap sesuatu kes dapat dilakukan dengan lebih pantas, teratur, dan lengkap.

Ini secara tidak langsung turut menyumbang kepada peningkatan jumlah sabitan dalam kes yang disiasat.

Menurut Azam, pihaknya juga sedang melengkapkan pegawai-pegawai SPRM dengan kemahiran dalam bidang keselamatan siber dan mata wang kripto, yang kini menjadi platform baharu digunakan oleh penjenayah yang terabit dalam rasuah untuk menyembunyikan wang haram mereka.

"Pengetahuan mengenai mata wang kripto merupakan satu daripada kaedah baharu di mana mereka yang terabit dalam rasuah menyimpan hasil haram dalam bentuk ini. Pegawai saya sedang dilatih dan dilengkapi dengan ilmu mengesan wang-wang yang disimpan sebagai mata wang kripto, bagi tujuan pendakwaan serta pemulangan kepada kerajaan," katanya.

Selain itu, Azam berkata, bagi memastikan keselamatan anggota ketika menjalankan operasi di kawasan berisiko dan berbahaya, SPRM menubuhkan Pasukan Taktikal SPRM (ACTS), seperti yang dilihat dalam operasi serbuan di Sibu, Sarawak.

Katanya, pasukan terabit dianggotai 20 pegawai lengkap bersenjata terkini dan menjalani latihan bersama VAT 69 Komando di Perak.

Menurut Azam, membanteras rasuah dalam sektor awam masih menjadi keutamaan agensi terabit dalam usaha mengekang ketirisan wang kerajaan.

Beliau berkata, berdasarkan statistik SPRM bagi tempoh 2020 hingga 2024, 30,483 maklumat berkaitan isu rasuah diterima dan daripada jumlah itu, 17,892 atau 58 peratus membabitkan penjawat awam.

"Sepanjang tempoh terabit, SPRM membuka 2,123 kertas siasatan dan melakukan tangkapan 2,046 penjawat awam. Sebanyak 1,036 pertuduhan dibawa ke mahkamah, manakala 464 penjawat awam disabitkan bersalah," katanya.

Azam berkata, kesalahan dilakukan membabitkan 1,124 kes penerimaan rasuah, 445 kes tuntutan palsu, 19 kes pemberian rasuah, 320 kes penyalahgunaan kedudukan, 57 kes pengubahan wang haram, 153 kes di bawah Kanun Keseksaan, dan lima kes di bawah akta lain.

Beliau berkata, sejajar dengan perkembangan semasa, SPRM kini memberi tumpuan kepada kes-kes yang membabitkan penguatkuasaan, perolehan, dan rasuah berskala besar yang menjadi punca utama ketirisan hasil kerajaan, berjumlah RM277 bilion dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini.

Azam berkata, SPRM kini lebih menumpukan siasatan terhadap kes yang berkaitan kepentingan awam atau membabitkan perlaian sekumpulan pegawai atau anggota penguat kuasa.

Menurutnya, sepanjang tahun 2024, SPRM melaksanakan empat operasi berskala besar. Antaranya Op Samba yang membabitkan kegiatan penyeludupan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dengan ketirisan lebih RM2 bilion dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini. Seramai 23 pegawai kastam dituduh.

"Op Transit pula membabitkan penyeludupan di Pelabuhan Klang menyebabkan ketirisan lebih RM3.5 bilion sejak 10 tahun lalu, manakala Op Pump membabitkan pegawai imigresen bersekongkol dengan sindiket membawa masuk warga asing di KLIA dan KLIA2.

"Selain itu, Op Liter yang dijalankan di Sibu, Sarawak membongkar ketirisan sebanyak RM400 juta sejak tahun 2012 akibat pencurian diesel bersubsidi yang diperuntukkan kepada nelayan," katanya.

Menurut Azam, berdasarkan maklumat, terdapat kira-kira RM30 bilion ketirisan beredar di pasaran gelap hasil daripada kegiatan jenayah seperti penyeludupan, perjudian, dan rasuah.

Oleh itu, agensi-agensi penguat kuasa perlu bekerjasama lebih erat untuk memulangkan wang tersebut kepada kerajaan.

"Wang ini boleh dikembalikan kepada kerajaan sekiranya kita menjalankan usaha bersama," katanya.

SPRM yakin capai kedudukan ke-25 CPI

Putrajaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yakin Malaysia mampu mencapai kedudukan ke-25 dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, walaupun tidak mudah, beliau yakin sasaran itu boleh dicapai berdasarkan kedudukan Malaysia yang semakin meningkat tahun demi tahun.

Menurutnya, pada penilaian CPI 2023, kedudukan Malaysia meningkat ke tangga 57 berbanding tangga ke-61 pada tahun sebelumnya.

"Untuk meningkatkan lagi ke arah (tangga ke-25) dalam tempoh 10 tahun ini, pelbagai usaha dibuat. Sebagai contoh, satu jawatankuasa ditubuhkan dengan diketuai oleh SPRM melibatkan banyak pemegang taruh.

"Antaranya Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Kementerian Kewangan (MOF), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

"Semua agensi ini terlibat dalam CPI kerana CPI ini bukan sahaja melibatkan tindakan mencegah rasuah dalam negara ini, tetapi juga melibatkan isu lain seperti isu tata kelola, etika perniagaan dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui wartawan selepas menjadi tetamu pada program Malaysia Hari Ini (MHII) di Sri Pentas, Bandar Utama, di sini, kelmarin.

Untuk rekod, CPI Malaysia 2023 naik tiga mata kepada 50 mata, berbanding 47 mata pada 2022.

Skor itu meletakkan Malaysia di kedudukan 57 daripada keseluruhan 180 negara, berbanding tangga 61 pada 2022.

Dari segi kedudukan negara Asean, Malaysia berada di tempat kedua terbaik selepas Singapura yang merekodkan skor 83, dan berada di tangga kelima daripada 180 negara.



AZAM



HARIAN METRO

02.10.2024
(RABU)

Tahan anggota polis peras ugut orang awam serah RM2,000

Ipoh: Seorang anggota polis ditahan kerana disyaki memeras ugut orang awam untuk menyerahkan RM2,000 bagi menyelesaikan kes lampau.

Sumber berkata, lelaki berusia 40 tahun itu menawarkan bantuan menyelesaikan kes lampau berkaitan ujian urin kepada pengadu lelaki berusia 37 tahun di sebuah rumah di

“Anggota ini memeras ugut mangsa untuk serahkan RM2,000 untuk selesaikan kes lampau mangsa,”

Ketua Polis Perak, Datuk Azizi Mat Aris

Langkap, Teluk Intan, pada 26 September lalu.

Menurutnya, pengadu yang bekerja sebagai buruh

itu membuat laporan polis berhubung salah laku anggota terbabit.

Sementara itu, Ketua Po-



lis Perak, Datuk Azizi Mat Aris mengesahkan anggota yang bertugas di balai polis dalam daerah Bagan Datuk sudah ditahan di sekitar kawasan Hutan Melintang pada jam 7 malam Isnin lalu.

“Siasatan sedang dijalankan mengikut Seksyen 384 Kanun Keseksaan.

“Anggota ini memeras ugut mangsa untuk serahkan RM2,000 untuk sele-

saikan kes lampau mangsa,” katanya ketika ditemui selepas Perhimpunan Bulanan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ipoh di sini, semalam.

Dalam pada itu, beliau turut mengingatkan warga polis Kontinjen Perak supaya menjalankan tugas dengan penuh disiplin dan integriti, di samping tidak terbabit dengan kesalahan jenayah.



HARIAN METRO

08.10.2024
(SELASA)



MOHD Edisahril dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru atas pertuduhan menerima rasuah. - GAN HUSSEIN/FOTO

Oleh Izz Laily Hussein
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Seorang pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas 10 pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM55,150, antara November tahun lalu hingga Februari lalu.

Tertuduh, Mohd Edisahril Mohd Noor, 41, mengaku tidak bersalah bagi semua pertuduhan itu selepas ia dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Berdasarkan semua kertas pertuduhan, bapa tiga anak itu didakwa secara rasuah menerima suapan antara RM3,000 hingga RM10,000 daripada seorang lelaki kepada akaun syarikat milik isteri tertuduh.

Semua suapan berjumlah

Rasuah boloskan kawalan

*Pegawai imigresen hadapi
10 pertuduhan terima suapan*

lah RM55,150 itu adalah sebagai upah kepada tertuduh bagi memudahkan memasuki penumpang warga Indonesia ke Malaysia tanpa perlu mematuhi syarat ditetapkan Akta Imigresen 1959.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di sebuah bank cawangan Bandar Baru Uda, di sini, antara 4 November 2023 hingga 23 Februari lalu.

Tertuduh yang juga Pe-

gawai Imigresen Gred KP22 yang bertugas di Pejabat Imigresen Bangunan Sultan Iskandar (BSI) itu didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Sabit kesalahan boleh dipenjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000, mengikut mana yang lebih tinggi.

Pengarah Kanan Bahagi-

an Perundangan dan Pendakwaan SPRM, Datuk Wan Shahrudin Wan Ladin terdahulu menawarkan jaminan RM15,000 hingga RM20,000 bagi semua pertuduhan dengan dua syarat tambahan, passport antarabangsa tertuduh diserahkan kepada mahkamah dan perlu melaporkan diri sebulan sekali di pejabat SPRM Johor.

Peguam, Mohd Shahrul-lah Khan Nawab Zadah Khan yang mewakili tertuduh memohon jumlah jaminan itu dikurangkan kepada RM10,000.

"Tertuduh sudah berkhidmat selama 18 tahun dan hari ini (semalam), dia akan dijamin oleh ibu kandungnya," katanya.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan dua syarat tambahan dicadangkan pendakwaan. Kes ditetapkan untuk sebutan semula bagi serahan dokumen pada 10 November ini.



HARIAN METRO

08.10.2024
(SELASA)

Suap RM18k elak ditahan simpan arak tak bercukai

Johor Bahru: Seorang pe-niaga kedai makan diha-dapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas pertuduhan memberi rasuah RM18,000 kepada pegawai polis, empat bu-lan lalu.

Bagaimanapun, tertu-duh, Sioh Poh Keong, 51, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan diba-cakan jurubahasa mahka-mah di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Ari-fin Ismail.

Berdasarkan kertas per-tuduhan, lelaki itu didak-

wa secara rasuah mem-beri suapan iaitu wang RM18,000 kepada Inspek-tor Risikan/Operasi, Pa-sukan Polis Marin Wila-yah Dua, Johor sebagai do-rongan untuk tidak me-ngambil tindakan un-dang-undang ke atasnya yang menyimpan minu-man keras tidak bercukai kastam.

Bagi perbuatan yang di-dakwa dilakukan di Taman Air Biru, Pasir Gudang, di sini, jam 2.30 petang, 19 Jun lalu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17(b)

Akta Suruhanjaya Pence-gahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh di-hukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Tertuduh berdepan hu-kuman penjara maksi-mum 20 tahun dan denda lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000 mengikut mana yang le-bih tinggi, jika sabit ke-salahan.

Pengarah Kanan Baha-gian Perundangan dan Pendakwaan SPRM Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin terdahulu mena-

warkan jaminan antara RM5,000 dan RM10,000 dengan syarat tambahan pasport antarabangsa ter-tuduh diserahkan kepada mahkamah dan perlu me-lapor diri di pejabat SPRM Johor.

Peguam, K Bharathi da-ri Yayasan Bantuan Gua-man Kebangsaan (YBGK) yang mewakili tertuduh memberitahu mahkamah bahawa anak guamnya hanya memperoleh keun-tungan RM4,000 sebulan hasil perniagaan kedai makan.



SINAR HARIAN

08.10.2024
(SELASA)

Mengaku
tidak bersalah
10 pertuduhan
terima rasuah

Oleh SHAHRIZAL
AHMAD ZAINI
JOHOR BAHRU

Seorang pegawai imigresen dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, pada Isnin atas 10 pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM55,150.

Mohd Edisahril Mohd Noor, 41, dituduh melakukan perbuatan tersebut antara November tahun lalu hingga Februari lalu.

Tertuduh bagaimanapun mengaku tidak bersalah bagi semua pertuduhan itu selepas ia dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Berdasarkan kesemua kertas pertuduhan, tertuduh didakwa secara rasuah me-

nerima suapan antara RM3,000 hingga RM10,000 daripada seorang lelaki kepada akaun syarikat milik isteri tertuduh.

Kesemua suapan berjumlah RM55,150 itu adalah sebagai upah kepada tertuduh bagi memudahkan kemasukan penumpang warga Indonesia ke Malaysia tanpa perlu mematuhi syarat ditetapkan Akta Imigresen 1959.

Dia didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000



Mohd Edisahril (kiri) diiringi polis di Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada Isnin.

mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Tertuduh sebagai Pegawai Imigresen Gred KP22 yang bertugas di Pejabat Imigresen Bangunan Sultan Iskandar (BSI), turut mengaku tidak bersalah atas 10 pertuduhan pilihan iaitu bersetuju menerima semua wang

suapan itu di lokasi dan tarikh yang sama.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan dua syarat tambahan dicadangkan pendakwa.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula bagi serahan dokumen pada 10 November ini.

Pegawai imigresen kena dakwa

'Jangan takut laporkan
kes rasuah'

SHAH ALAM -

Pendidikan awam berkaitan rasuah perlu diterapkan dalam kalangan masyarakat agar mempunyai tanggungjawab dan berani untuk tampil melaporkan perbuatan rasuah melibatkan pihak penguat kuasa.

**RASUAH
BUSTERS**

Ahli Majlis Tertinggi Rasuah Busters Pahang, Ali Imran Hassan berkata, pendedahan tersebut penting untuk meningkatkan kesedaran, di samping penguatkuasaan undang-undang lebih ketat kepada pesalah rasuah.

"Bukan itu sahaja, pembentukan badan pemantau bebas juga boleh membantu meningkatkan integriti dalam sektor awam dan swasta.

"Sebagai contoh inisiatif oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk membanteras rasuah dalam anggotanya. Ini menunjukkan komitmen untuk mencipta persekitaran kerja yang bersih," katanya kepada *Sinar Harian*.

Media sebelum ini melaporkan, DBKL memberi fokus kepada pemantauan dalaman dan melaksanakan latihan lebih intensif mengenai kepentingan integriti sebagai langkah memerangi rasuah di organisasi itu.

Ali Imran berkata, organisasi lain perlu mencontohi pendekatan itu untuk memastikan pekerja tidak berasa terpaksa akibat ketidakpuasan hati terhadap gaji atau keadaan kerja.



BERITA HARIAN

08.10.2024
(SELASA)

Peniaga dituduh rasuah polis RM18,000

Johor Bahru: Seorang peniaga kedai makan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini semalam atas pertuduhan memberi rasuah RM18,000 kepada pegawai polis, empat bulan lalu.

Sioh Poh Keong, 51, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Berdasarkan kertas pertuduhan, lelaki itu didakwa secara rasuah memberi suapan iaitu wang tunai RM18,000 kepada Ins-

pektor Risiko/Operasi, Pasukan Polis Marin Wilayah Dua, Johor sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan undang-undang ke atasnya yang menyimpan minuman keras tidak bercukai kastam.

Bagi perbuatan yang didakwa dilakukan di Taman Air Biru, Pasir Gudang, di sini kira-kira jam 2.30 petang, 19 Jun lalu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah

Seksyen 24(1) akta sama.

Tertuduh berdepan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pengarah Kanan Bahagian Perundangan dan Pendakwaan SPRM, Datuk Wan Shahrudin Wan Ladin, terdahulu menawarkan jaminan antara RM5,000 hingga RM10,000 dengan syarat tambahan passport antarabangsa tertuduh diserahkan kepada mahkamah dan perlu melapor diri di pejabat SPRM Johor.

Peguam K Bharathi dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) yang mewakili tertuduh memberitahu mahkamah bahawa anak guamnya hanya memperoleh keuntungan RM4,000 sebulan hasil perniagaan kedai makan.

"Tertuduh juga menjaga kakaknya berusia 67 tahun yang baharu menjalani pembedahan," katanya.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM5,000 serta syarat tambahan passport antarabangsa diserahkan kepada mahkamah.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula bagi serahan dokumen pada 10 November ini.



Poh Keong dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam.
(Foto Izz Laily Hussein/BH)



BERITA HARIAN

08.10.2024
(SELASA)

Pegawai imigresen hadapi 10 tuduhan rasuah

Johor Bahru: Seorang pegawai imigresen mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas 10 pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM55,150 di antara November tahun lalu hingga Februari tahun ini.

Mohd Edisahril Mohd Noor, 41, yang juga bapa kepada tiga anak, didakwa secara rasuah menerima suapan di antara RM3,000 hingga RM10,000 daripada seorang lelaki, dengan semua wang tersebut dimasukkan ke akaun syarikat milik isterinya di sebuah bank cawangan Bandar Baru Uda di sini, antara 4 November 2023 hingga 23 Februari 2024.

Semua suapan berjumlah RM55,150 itu didakwa sebagai upah kepada tertuduh bagi memudahkan kemasukan penumpang warga Indonesia ke Malaysia tanpa perlu mematuhi syarat ditetapkan Akta Imigresen 1959.

Pendakwaan mengikut Sek-



Mohd Edisahril dibawa ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam. (Foto Izz Laili Hussein/BH)

syen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama, yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000 me-

ngikut mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Mohd Edisahril yang juga Pegawai Imigresen Gred KP22 di Pejabat Imigresen Bangunan Sultan Iskandar (BSI) di sini, turut mengaku tidak bersalah atas 10 pertuduhan pilihan, ia-

itu bersetuju menerima semua wang suapan berkenaan di lokasi dan tarikh yang sama, dengan tertuduh tahu tindakan itu ada hubungan dengan tugas rasminya sebagai pegawai imigresen.

Bagi kesalahan itu, pegawai

imigresen yang sudah berkhidmat selama 18 tahun itu, didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Hakim, Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail, membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 bagi semua pertuduhan dengan seorang penjamin, berserta syarat tambahan melaporkan diri ke pejabat SPRM Johor di sini sebulan sekali dan pasport diserahkan kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Mahkamah menetapkan 10 November untuk sebutan semula kes bagi serahan dokumen.

Pendakwaan dikendalikan Pengarah Kanan Bahagian Perundangan dan Pendakwaan SPRM, Datuk Wan Shahrudin Wan Ladin, manakala peguam, Mohd Shahrullah Khan Nawab Zadah Khan mewakili tertuduh.

BERNAMA



BERITA HARIAN

09.10.2024
(RABU)

Datuk antara dua ditahan SPRM seleweng diesel di Sarawak

Kuching: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan dua individu termasuk seorang bergelar 'Datuk' kerana dipercayai memberi rasuah kepada pegawai agensi penguat kuasa dalam kes penyelewengan diesel bersubsidi di Sibu.

Sumber berkata, kedua-dua suspek lelaki dan wanita berusia

lingkungan 60-an itu dipercayai memberi rasuah kepada beberapa penguat kuasa sebagai ganjaran tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap syarikat tempat mereka bekerja yang dipercayai menyeleweng diesel bersubsidi.

"Kedua-dua suspek lelaki dan wanita itu masing-masing ber-

jawatan sebagai pengerusi dan pengarah sebuah syarikat yang menguruskan pembelian dan penjualan diesel bersubsidi.

"Mereka disyaki menyeleweng minyak diesel bersubsidi dengan menyeludup dan menjual kepada pihak luar serta bagi melindungi kegiatan itu. Mereka dipercayai memberi wang rasuah kepada be-

berapa penguat kuasa," katanya.

Menurut sumber, seorang suspek ditahan di Pejabat SPRM Cawangan Sibu, manakala seorang lagi ditahan di sebuah pusat perubatan di daerah ini semalam.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Azmi Kamaruzaman ketika dihubungi mengesah-

kan tangkapan itu.

"Kes itu disiasat mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009. Kedua-dua suspek bagaimanapun dibebaskan dengan jaminan SPRM dan dikehendaki membayar wang jaminan RM50,000 tunai dan RM50,000 tanpa deposit dengan seorang penjamin," katanya.



HARIAN METRO

09.10.2024
(RABU)

Claim **RM8,239** tapi kerja tak jalan

Pengarah syarikat mengaku tidak bersalah kemuka butiran palsu dalam tuntutan kerja pembaikan Bot Perantas KB79 milik JKDM

Shah Alam

Seorang pengarah syarikat mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan mengemukakan butiran palsu dalam tuntutan berjumlah RM302,850.48 bagi kerja-kerja pembaikan bot, tiga tahun lalu.

Yap Sin Kong, 58, membuat pengakuan berkenaan selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Datuk Mohd Nasir Nordin.

Tertuduh didakwa dengan niat memperdaya seorang pegawai kanan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) satu set in-vois mengandungi butiran palsu bagi kerja-kerja pem-

baikan Bot Perantas KB79-Stesen Wilayah Persekutuan Labuan dengan memasukkan butiran kerja berjumlah RM8,239 yang tidak dilaksanakan.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Cawangan Pengurusan Kewangan, Ibu Pejabat JKDM, Persiaran Perdana, Presint 2, Putrajaya pada 5 Oktober 2021, mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(2) akta sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun atau denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM10,000 mengikut

RM15k

Jumlah ikat jamin dikenakan mahkamah ke atas tertuduh.

mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Yap turut mengaku tidak bersalah atas pertuduhan pilihan bagi perbuatan sama di bawah Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 465 kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun, denda atau kedua-keduanya sekali.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

(SPRM) Muaz Ahmad Khairuddin mencadangkan jaminan RM15,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan tertuduh melaporkan diri setiap bulan di pejabat SPRM berdekatan serta menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Yap yang tidak diwakili peguam merayu mahkamah mempertimbangkan jaminan yang rendah berikutan masalah kewangan dihadapinya.

Mahkamah kemudian menetapkan jumlah ikat jamin RM15,000 dan membenarkan semua permohonan pihak pendakwaan berserta syarat tambahan.

Sebutan semula kes ditetapkan 13 November ini.



BERITA HARIAN

11.10.2024
(JUMAAT)



Suspek dibawa ke Kompleks Mahkamah Melaka, semalam.

(Foto Meor Riduwan Meor Ahmad/BH)

Wanita direman minta suapan bantu dapatkan 'Datuk Seri'

Melaka: Seorang bekas ahli pertubuhan bukan kerajaan (NGO) direman oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung siasatan menerima suapan, bagi membantu seorang ahli perniagaan berkaitan pengurniaan darjah kebesaran sebuah negeri, tahun lalu.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Nor Syaliati Mohd Sobri bermula semalam hingga Isnin ini, selepas dimohon pegawai penyiasat SPRM bagi me-

lengkapkan siasatan terhadap suspek wanita berusia 42 tahun itu.

Siasatan awal SPRM mendapati suspek meminta dan menerima rasuah daripada ahli perniagaan terbabit, kononnya bagi mendapatkan pengurniaan 'Datuk Seri' sempena Majlis Pengurniaan Darjah Kebesaran pada 2023.

Menurut sumber, suspek dikatakan menerima wang rasuah daripada seorang peniaga yang dimasukkan ke dalam akaun peribadinya.

"Disyaki terdapat puluhan transaksi kemasukan wang ke dalam akaun milik suspek dari 2022 hingga 2023."

"Suspek ditahan kira-kira jam 3.45 petang semalam (kelmarin) ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Melaka," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka, Adi Supian Shafie ketika dihubungi memaklumkan suspek ditahan dan disiasat mengikut Seksyen 16(a) (A) SPRM 2009.



HARIAN METRO

11.10.2024
(JUMAAT)



BEKAS ahli NGO ditahan bagi membantu siasatan kes minta dan terima rasuah.

Oleh Meor Riduwan
Meor Ahmad
am@hmetro.com.my

Melaka

Seorang bekas ahli badan bukan kerajaan (NGO) direman lima hari untuk siasatan kes meminta dan menerima rasuah bagi membantu ahli perniagaan berkaitan pengurniaan darjah kebesaran, tahun lalu.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Nor Syaliati Mohd Sobri bermula semalam hingga 14 Oktober depan selepas dipohon Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Siasatan awal SPRM mendapati suspek wanita

RASUAH GELARAN 'DATUK SERI'

Bekas ahli NGO direman 5 hari

berusia 42 tahun meminta dan menerima rasuah daripada mangsa kononnya bagi mendapatkan pengurniaan 'Datuk Seri'.

Menurut sumber, suspek

dikatakan menerima wang rasuah berkenaan yang dimasukkan ke dalam akaun peribadinya.

"Disyaki terdapat puluhan transaksi kemasukan

wang ke dalam akaun milik suspek dari 2022 hingga 2023," katanya.

Terdahulu, suspek ditahan ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Melaka kira-kira jam 3.45 petang kelmarin.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka, Adi Supian Shafie ketika dihubungi memaklumkan siasatan dibuat mengikut Seksyen 16(a)(A) SPRM 2009.

"Disyaki terdapat puluhan transaksi kemasukan wang ke dalam akaun milik suspek dari 2022 hingga 2023"

Sumber



HARIAN METRO

11.10.2024
(JUMAAT)

Kuala Lumpur: Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, melepas dan membebaskan seorang pesara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) daripada lima pertuduhan rasuah berhubung pelantikan sebuah syarikat secara rundingan terus bagi Perkhidmatan Senggaraan dan Khidmat Sokongan Sistem Peperangan Elektronik (Prisma), lima tahun lalu.

Hakim Suzana Hussin

Pesara ATM bebas daripada lima pertuduhan rasuah

membuat keputusan itu ke atas Leftenan (B) Che Ahmad Idris, 58, selepas mendapati pihak pembelaan berjaya menimbulkan suatu keraguan munasabah terhadap tertuduh di akhir kes pembelaan.

"Setelah meneliti hujahan bertulis dan keterangan semua saksi pembelaan, mahkamah mendapati pihak

pembelaan berjaya mematahkan kes pendakwaan. Mahkamah juga mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan kes di luar keraguan munasabah ke atas semua pertuduhan dihadapi tertuduh.

"Oleh itu, mahkamah melepaskan dan membebaskan tertuduh daripada kelima-lima pertuduhan

dan wang jaminan RM95,000 serta pasport dipulangkan kepada tertuduh," kata hakim itu.

Seramai 18 saksi pendakwaan dan 13 saksi pembelaan termasuk tertuduh memberikan keterangan sejak perbicaraan kes bermula pada 27 Ogos 2021.

Bagi pertuduhan pertama, tertuduh yang ketika

itu Ketua Cawangan Peperangan Siber Strategik, Bahagian Staf Perisikan Pertahanan (BSPP) Kementerian Pertahanan didakwa bersetuju menerima suatu suapan wang tunai RM500,000 daripada Pengarah Urusan Syarikat FEHM Entity Sendirian Berhad Elias Jemadi Tajudin sebagai upah untuk mem-

bantu Syarikat FEHM dilantik secara rundingan terus bagi Prisma untuk Bahagian Staf Perisikan Pertahanan.

Bagi pertuduhan kedua hingga kelima, dia didakwa menerima suapan wang tunai berjumlah RM130,000 daripada individu sama untuk tujuan serupa. - Bernama



SINAR HARIAN

12.10.2024
(SABTU)

Mengaku salah
beri suapan kepada
pegawai imigresen

Oleh SAIFULLAH AHMAD
IPOH

Pemilik restoran nasi kandar didenda RM30,000

Seorang pemilik restoran nasi kandar warga Bangladesh dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Ipoh pada Jumaat, atas kesalahan memberi suapan RM10,000 kepada pegawai Jabatan Imigresen Perak, bulan lalu.

Tertuduh, Rezaul Shajahan Ali, 37, didakwa melakukan kesalahan itu lebih kurang jam 3.30 petang di pejabat Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Perak, Kompleks Kementerian Dalam Negeri, Bandar Meru Raya di sini, pada 12 September lalu.

Mengikut pertuduhan, lelaki terbabit telah secara rasuah

memberi suatu suapan iaitu wang tunai sebanyak RM10,000 kepada seorang pegawai Imigresen Perak sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap 13 orang pekerja yang telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 6 (1) (c) dan Seksyen 15 (1) (c)

Akta Imigresen 1959/1963 serta Peraturan 39 (b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Perbuatan tersebut merupakan kesalahan di bawah Seksyen 214 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum selama 10 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Tertuduh yang merupakan seorang bapa kepada lima anak itu bagaimanapun mengaku bersalah atas pertuduhan pilihan yang dikemukakan.

Hakim Datuk Ibrahim Osman kemudian menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM30,000 dan tiga bulan penjara jika gagal membayar denda tersebut.

Mahkamah turut menetapkan bahawa wang rasuah berjumlah RM10,000.00 dilucuthakkan di bawah Seksyen 40(1) (a) ASPRM 2009 kepada kerajaan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Sharul Azuan Ghazali dan Mohd Afiq Adnan manakala tertuduh tidak diwakili peguam.



Rezaul Shajahan (kiri) mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Ipoh pada Jumaat, atas tuduhan memberi suapan RM10,000 kepada pegawai jabatan Imigresen Perak, pada bulan lalu.



METRO AHAD

13.10.2024
(AHAD)

KAMERA TINGKAT INTEGRITI PEGAWAI

Aduan berkenaan tatakelakuan, rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam kalangan pegawai JKDM menurun 38.46 peratus

Oleh Samadi Ahmad
am@hmmetro.com.my

Sepang

Aduan berkenaan tatakelakuan, rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam kalangan pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menurun selepas penggunaan kamera badan (BWC).

Ketua Pengarahnya Datuk Anis Rizana Mohd Zaimudin berkata, berdasarkan data aduan 1 Ogos 2023 hingga 31 Julai lalu, hanya lapan kes diterima berbanding tempoh sama pada tahun sebelumnya yang merekod 13 kes.

Katanya, ia menyaksikan pengurangan jumlah aduan 38.46 peratus, yang secara tidak langsung membuktikan keberkesanan penggunaan BWC dan meningkatkan tahap integriti pegawai.

"BWC ini komitmen JKDM dalam memberikan perkhidmatan yang lebih baik di samping dapat meningkatkan kepercayaan

masyarakat terhadap jabatan ini," katanya selepas Majlis Pelancaran Kamera Badan di Bangunan Pentadbiran AMC Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, semalam.

Terdahulu, projek rintis pemakaian BWC terhadap pegawai berbarisan hadapan JKDM bermula Ogos tahun lalu, membolehkan perolehan 60 unit secara ser-

wayaan bagi tempoh 36 bulan dengan kos RM1.59 juta.

Anis Rizana berkata, lima lokasi dipilih untuk penggunaan BWC membolehkan 12 unit di Bahagian Penguatkuasaan Ibu Pejabat, 24 unit di JKDM KLIA Terminal 1 dan KLIA Terminal 2, 12 unit di JKDM Sepang manakala 12 unit lagi di JKDM Johor.

Katanya, JKDM berharap kerajaan dapat menambah aset itu pada masa

depan dan diperluas kepada semua pegawai berbarisan hadapan di pintu masuk di seluruh negara.

Menurutnya, selain memastikan integriti pegawai, BWC secara tidak langsung melonjak kutipan hasil sebanyak RM6.34 juta pada Januari hingga September tahun ini bagi cawangan pemeriksaan penumpang (ICPP) di KLIA dan KLIA Terminal 2.



ANIS Rizana (kanan) memakamkan kamera badan atau BWC kepada salah seorang pegawai kastam pada Majlis Pelancaran BWC di KLIA.



PEMAKAIAN BWC bertujuan bagi menambah baik tahap integriti pegawai di JKDM serta meningkatkan akta penguatkuasaan termasuk risiko dalam membendung kegiatan rasuah negara melalui pencegahan aktiviti penyelewengan.



HARIAN METRO

14.10.2024
(ISNIN)



Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Sejumlah mata wang asing bernilai kira-kira RM5 juta ditemukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ketika menggeledah sebuah pangsapuri di sini, kelmarin yang didakwa dijadikan *safe house* seorang ahli politik berpengaruh.

Tindakan adalah susulan penahanan dua individu baru-baru termasuk seorang bekas eksekutif kanan di Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) berkait siasatan skandal rasuah jutaan ringgit berhubung konsesi perlombongan pasir di bawah anak syarikat cabang pelaburan negeri itu.

Menurut sumber, kedua-dua suspek didakwa ada kaitan dengan ahli politik terkenal yang pernah mempunyai pengaruh politik di Selangor.

"Susulan penahanan itu, seorang suspek mendedahkan kewujudan *safe house* yang bertujuan menyimpan wang hasil rasuah milik seorang ahli politik berpengaruh.

"Pengeledahan dilakukan pada sekitar jam 10 malam semalam (kelmarin) di sebuah pangsapuri bertempat di Kuala Lumpur di mana ia disewa oleh seorang ahli perniagaan sebagai tempat penyimpanan wang hasil rasuah yang diperolehi," katanya.

Sumber berkata, hasil pengeledahan menemui sejumlah wang mata wang Singapura SGD1,529,000 atau kira-kira RM5 juta.

"Wang disimpan bertujuan untuk kegunaan ahli politik berkenaan bagi aktiviti politiknya. Wang ini sudah disita oleh SPRM bagi siasatan lanjut.



Saya sahkan ada dua orang ditangkap yang (didakwa) terbabit dalam perbuatan rasuah"

Azam Baki

"Dipercayai wang ini diberikan oleh seorang individu yang belum dikenal pasti identitinya dan disimpan oleh ahli perniagaan ini atas arahan ahli politik berpengaruh terbabit," katanya.

Sumber juga berkata, SPRM sudah membekukan kira-kira 15 akaun bank milik beberapa individu dan syarikat termasuk yang dipercayai penyasat digunakan untuk menyalurkan rasuah.

"SPRM ketika juga sedang menyasat pembabitatan ahli politik berpengaruh itu. Siasatan kes itu dijalankan mengikut Seksyen 16, Akta SPRM 2009," katanya.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan penahanan dua suspek terbabit.

"Saya sahkan ada dua orang ditangkap yang (didakwa) terbabit dalam perbuatan rasuah berhubung mendapat konsesi pasir daripada MBI," katanya.



SINAR HARIAN

14.10.2024
(ISNIN)

Siasatan tatatertib ke atas pegawai kanan, 6 anggota polis kes cabul wanita - JIPS

KUALA LUMPUR -

Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) akan melaksanakan siasatan tatatertib terhadap seorang pegawai kanan polis berpangkat Asisten Superintenden bersama enam anggota yang ditahan berkaitan kes pemerasan dan cabul seorang wanita.

Pengarah JIPS Bukit Aman, Datuk Seri Azri Ahmad berkata, keutamaan Polis Diraja Malaysia adalah siasatan perlakuan jenayah melibatkan kes pemerasan dan pencabulan yang berlaku.

"Bagi JIPS pula, ia akan melibatkan siasatan tatatertib apabila terdapat kes jenayah yang dilaporkan," katanya ketika dihubungi pada Ahad.

Pada Sabtu, *Sinar Harian* melaporkan seorang pegawai kanan polis berpangkat Asisten Superintenden bersama enam anggota ditahan pada Jumaat bagi siasatan berkaitan kes pemerasan



AZRI

dan cabul melibatkan seorang wanita, 1 Oktober lalu.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Rusdi Mohd Isa dilaporkan berkata, tangkapan dijalankan susulan laporan yang dibuat mangsa yang juga warga tempatan berusia 22 tahun, 7 Oktober lalu.

Sebelum ini tiga lelaki tempatan berusia antara 30 hingga 50-an telah

ditahan berkaitan kejadian namun dibebaskan dengan jaminan polis.

Susulan siasatan selanjutnya, tujuh individu termasuk seorang pegawai kanan berusia antara 30 hingga 50-an ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan dan Seksyen 384 Kanun Keseksaan.

Terdahulu, tular di aplikasi Telegram seorang wanita mendakwa menjadi mangsa pemerasan dan cabul sekumpulan individu dalam serbuan di unit sebuah kondominium di Cheras.



SINAR HARIAN

14.10.2024
(ISNIN)

Ketika geledah sebuah pangsapuri dipercayai dijadikan *safehouse*

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL
KUALA LUMPUR

Sejumlah mata wang asing bernilai kira-kira RM5 juta ditemukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ketika menggeledah di sebuah pangsapuri di sini, yang didakwa dijadikan *safehouse* seorang ahli politik berpengaruh pada Sabtu.

Tindakan itu adalah susulan penahanan dua individu termasuk seorang bekas eksekutif kanan di Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) berkait kes rasuah berhubung konsesi perlombongan pasir.

Menurut sumber, kedua-dua suspek itu didakwa ada kaitan dengan ahli politik terkenal yang pernah mempunyai pengaruh politik di Selangor.

"Susulan penahanan itu, seorang suspek mendedahkan kewujudan *safehouse* yang bertujuan menyimpan wang hasil rasuah milik seorang ahli politik berpengaruh," katanya.

Jelas sumber itu, pengeledahan di-

lakukan pada pada jam 10 malam di sebuah pangsapuri yang disewa oleh seorang ahli perniagaan sebagai tempat penyimpanan wang hasil rasuah yang diperoleh.

"Hasil pengeledahan menemui sejumlah mata wang Singapura SGD1,529,000 atau kira-kira RM5 juta," ujarnya.

Katanya, wang itu disimpan bertujuan untuk kegunaan ahli politik berkenaan bagi aktiviti politiknya.

"Wang itu telah disita oleh SPRM bagi siasatan lanjut. Dipercayai wang itu diberikan oleh seorang individu yang belum dikenal pasti identitinya dan disimpan oleh ahli perniagaan ini atas arahan ahli politik berpengaruh tersebut," tambahnya.

Sementara itu, SPRM menahan dua individu termasuk seorang bekas eksekutif kanan MBI

untuk bantu siasatan kes rasuah konsesi perlombongan pasir dan difahamkan, tangkapan dibuat pada Khamis.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, siasatan masih di peringkat awal dan disiasat mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

"Seorang daripada mereka telah direman lima hari sehingga Selasa, manakala seorang lagi dibebaskan atas perintah mahkamah kerana masalah kesihatan.

"Pihak SPRM turut menyita kira-kira 15 akaun bank milik individu dan syarikat untuk siasatan lanjut," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Sebelum itu, satu sumber memberitahu, bekas eksekutif yang ditahan itu disyaki menerima rasuah jutaan ringgit daripada syarikat yang memperoleh konsesi perlombongan pasir.

Sumber itu menambah, ahli perniagaan terbabit di-

INFO SPRM

Mata wang Singapura
SGD1,529,000
ditemui di sebuah kondominium

SPRM sita kira-kira
15 akaun bank
milik individu dan syarikat

dakwa bertindak sebagai orang tengah untuk mengutip suapan bagi pihak suspek pertama.

"Skandal itu didakwa bermula apabila syarikat berkenaan memohon konsesi daripada MBI lebih lima tahun lalu. Bagaimanapun, rasuah itu dikatakan berterusan sejak syarikat itu memperoleh konsesi MBI," katanya.

SPRM juga sedang menyiasat sama ada ahli politik terbabit mempunyai sebarang penglibatan dalam kes berkenaan.

SPRM temui RM5 juta didakwa milik ahli politik



AZAM BAKI



BERITA HARIAN

14.10.2024
(ISNIN)

SPRM geledah 'safehouse' ahli politik didakwa simpan duit rasuah

RM5j mata wang asing ditemui dalam pangsapuri disewa ahli perniagaan

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menggeledah sebuah pangsapuri di sini, kelmarin yang didakwa dijadikan *safehouse* oleh seorang ahli politik berpengaruh untuk menyimpan wang kutipan rasuahnya.

Hasil pengeledahan jam 10 malam itu, SPRM menemui mata wang asing berjumlah kira-kira RM5 juta di dalam pangsapuri yang disewa seorang ahli perniagaan yang bersekongkol dengan pemimpin politik berpen-

garuh di Selangor itu.

Menurut sumber, pengeledahan di *safehouse* berkenaan dibuat susulan seorang bekas eksekutif kanan di Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) antara dua individu yang ditahan SPRM, baru-baru ini.

"Penahanan itu bagi siasatan berhubung skandal rasuah jutaan ringgit berhubung konsesi perlombongan pasir di bawah anak syarikat cabang pelaburan negeri itu," katanya kepada *BH*, semalam.

Sumber berkata, pangsapuri yang terletak di ibu kota itu dikatakan menjadi tempat penyimpanan wang hasil rasuah individu berpengaruh berkenaan dan ia dipercayai digunakan untuk tujuan tertentu, termasuk politik.

"Dalam siasatan terhadap skandal itu, SPRM menahan seorang suspek dan hasil siasatan mendapati ada sebuah pangsapuri disewa di ibu negara yang didakwa dijadikan *safehouse*.

"Pada jam 10 malam semalam



Sebahagian mata wang asing yang ditemukan SPRM dalam operasi menggeledah sebuah pangsapuri di ibu kota, kelmarin.

(kelmarin), SPRM melakukan operasi menggeledah sebelum menemui sejumlah mata wang Singapura SGD1,529,000 yang dipercayai disimpan untuk kegunaan ahli politik terbabit bagi aktiviti tertentu," kata sumber itu.

Safehouse adalah istilah yang sering digunakan sebagai merujuk kepada kediaman rahsia yang dipercayai selamat bagi membolehkan pihak tertentu bersembunyi, menyembunyikan sesuatu atau melakukan sebarang aktiviti tanpa diketahui mana-mana pihak.

Individu sedang dikenal pasti

Sumber berkata, wang yang ditemui dalam kediaman itu dipercayai diberikan seorang individu yang sedang dikenal pasti identitinya dan disimpan ahli perniagaan terbabit atas arahan individu berpengaruh berkenaan.

"Susulan penemuan itu, SPRM menyita semua wang tunai berkenaan," katanya.

Sumber itu juga berkata, syarikat terbabit memohon konsesi

daripada MBI lebih lima tahun lalu dan sejak itu rasuah diktakan berlaku secara berterusan.

Katanya, SPRM sudah membekukan kira-kira 15 akaun bank milik beberapa individu dan syarikat, termasuk dipercayai digunakan untuk menyalurkan rasuah.

SPRM juga sedang menyiasat pembabit ahli politik berpengaruh itu mengikut Seksyen 16, Akta SPRM 2009.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan mengenai penahanan dua individu termasuk bekas eksekutif kanan MBI terbabit, namun enggan mengulas mengenai penemuan wang tunai dalam serbuan terhadap kediaman berkenaan.

Difahamkan, seorang daripada suspek ditahan reman sehingga esok, manakala seorang lagi dibebaskan atas perintah mahkamah kerana berdepan masalah kesihatan.



SINAR HARIAN

15.10.2024
(SELASA)

SPRM akan panggil ahli politik ternama

KOTA KINABALU - Ahli politik yang dikaitkan dengan penggeledahan *safehouse* yang didakwa tempat penyimpanan wang oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan dipanggil untuk diambil keterangan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki tidak menafikan bahawa ia berkaitan dengan seorang ahli politik ternama, namun beliau tidak dapat mendedahkan identitinya.

"Dia akan dipanggil satu masa yang difikirkan sesuai oleh pegawai penyiasat saya seperti mana lazimnya. Kami perlu mendapatkan segala bukti yang kita rasa wajar yang kita perlukan dan telah disahkan, barulah orang yang berkenaan akan dipanggil.

"Saya memang tidak akan menolak atau menafikan beliau akan dipanggil tapi selepas kami ataupun pegawai penyiasat saya berpuas hati tentang beberapa lagi penemuan dokumen dan juga wang yang berkaitan," katanya ketika ditemui pemberita selepas hadir pada Konvensyen Integriti, Tadbir Urus dan Antirasuah (KITA) Tahun 2024 di sini pada Isnin.

Ditanya kaitan ahli politik tersebut dengan *safehouse* tersebut, beliau berkata, sudah tentu dia suspek terlibat dengan aktiviti rasuah.

Menurutnya, setakat ini kira-kira 15 saksi telah dipanggil SPRM dan dijangka ada ramai lagi menyusul untuk tujuan siasatan.

"Kes ini akan dibuka juga kertas-kertas siasatan yang di bawah Akta Pengubahan Wang Haram.

"Selain Akta Pencegahan Rasuah 2009 yang di bawah Seksyen 16, kami juga akan membuka beberapa kertas siasatan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA)," katanya.

Sementara itu, mengenai jumlah keseluruhan tangkapan setakat ini, Azam menjelaskan seramai empat individu ditahan reman termasuk seorang wanita.

"Yang direman sekarang ini yang ditangkap pada 10 Oktober lalu dan direman sehingga 15 Oktober iaitu

seorang pengarah syarikat atau seorang ahli perniagaan.

"Ada seorang lagi pernah bertugas di Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) iaitu seorang lelaki berumur 45 tahun tetapi kita hanya berjaya dapat menahan reman satu malam saja kerana dia mempunyai masalah kanser prostat.

"Ketiga, individu berjawatan pemandu berumur 43 tahun dan direman selama tiga hari, telahpun dilepaskan dan seorang lagi wanita iaitu bekas pegawai kewangan satu syarikat yang terbabit, yang mana syarikat ini adalah yang mendapat konsesi pasir berkenaan dan berumur 46 tahun tetapi telah dilepaskan selepas reman tiga hari," ujarnya.



SINAR HARIAN

15.10.2024
(SELASA)

Dua lagi *safehouse* digeledah, SPRM temui RM321,000

Azam tidak menolak
kemungkinan akan ada
lagi penggeledahan
seterusnya

Oleh ASYIKIN ASMIN
KOTA KINABALU



Laporan muka depan
Sinar Harian pada Isnin.

Dua lagi tempat penyimpanan wang telah digeledah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sekitar ibu negara susulan penggeledahan pertama yang dibuat di sebuah pangsapuri yang didakwa dijadikan *safehouse* milik seorang ahli politik.

Penggeledahan yang dibuat pada malam Ahad itu turut berjaya menemui wang tunai termasuk mata wang asing dengan nilai keseluruhan sebanyak RM321,000.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, memang ada dua lagi tambahan *safehouse* yang digeledah dan turut menemui wang tunai di rumah berkenaan.

"Saya tidak boleh dedahkan lagi dan pegawai saya telah menggeledah ada tambahan dua *safehouse* yang dikatakan tersimpan wang.

"Salah satu daripadanya ada penemuan lebih kurang SG\$74,000 atau



AZAM



RM243,000. Kemudian di satu tempat pejabat dijumpai wang lebih kurang RM78,000 dan kita juga mendapat maklumat ada wang telah dibuat pelaburan di Singapura, namun saya tidak boleh dedahkan berapa jumlahnya dan siapa pemiliknya.

"Ya (Lembah Klang), ada di Kuala Lumpur, ada di Selangor. Penggeledahan yang pertama dibuat pada Sabtu malam dan seterusnya malam tadi (Ahad), kita buat satu persatu selepas siasatan dan dapat pengakuan," katanya di sini pada Isnin.

Azam tidak menolak kemungkinan akan ada lagi penggeledahan seterusnya dilakukan oleh SPRM mengikut siasatan yang dilakukan.

"Rasanya akan ada lagi penemuan-penemuan di *safehouse* yang lain, yang ini kita masih lagi menjalankan siasatan dan risikan terhadap penyimpanan wang ini.

"Mungkin ada dibuat penyimpanan di bank-bank lain, yang ini sedang kita siasat," ujar beliau.



SINAR HARIAN

15.10.2024
(SELASA)

'Pas tak kompromi, bela individu terpalit rasuah'

SHAH ALAM - Pas menegaskan tidak akan berkompromi atau membela mana-mana individu yang terpalit sebarang kesalahan termasuk kes rasuah kerana ia sejajar dengan pendirian parti sejak dahulu.

Justeru, Ketua Penerangan Pemuda Pas, Khairul Nadzir Helmi Azhar berkata, pihaknya meminta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menyiasat dengan lebih terperinci

kes penemuan wang asing bernilai RM5 juta di sebuah pangsapuri yang dijadikan *safehouse* oleh seorang ahli politik berpengaruh.

"Muka depan semua akhbar (hari ini) menayangkan kes penemuan RM5 juta di *safehouse* dan dikaitkan dengan pemimpin politik yang sangat dikenali.

"Saya yakin semua sudah maklum ia ditujukan kepada siapa. Inilah kuasa media, nampak begitu 'sepakat'

membawa naratif ini atau ia memang 'arahan'?

"Walau sesiapa pun yang dikaitkan, siasatlah dengan terperinci. Jika bersalah, hukum.

"Kita berpegang dengan prinsip selagi belum didapati bersalah, seseorang itu layak membela diri dan beri perakuan benar selagi belum disabitkan mana-mana kesalahan," katanya menerusi hantaran di Facebook pada Isnin.



SINAR HARIAN

15.10.2024
(SELASA)

Bersatu Selangor serah SPRM jalankan siasatan

SHAH ALAM - Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) Selangor menyerahkan sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan berhubung isu rasuah membabitkan ahli politik terkenal yang pernah mempunyai pengaruh politik di negeri ini dalam konsesi perlombongan pasir.

Setiausahanya, Datuk Azman Yaakob berkata, pendirian parti itu jelas dan tidak mahu mencampuri urusan SPRM.

Bagaimanapun Azman berkata, Bersatu Selangor juga tetap mendukung solidariti untuk bersama-sama pimpinan sekiranya ada pemimpin parti itu dikaitkan dalam kes terbabit.

"Kami percaya selagi tidak disabitkan bersalah, sosok atau individu terlibat tidak boleh kita ketepikan dan membebankannya bersendirian," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Azman, beliau percaya individu yang ditahan itu tidak boleh disabitkan bersalah selagi tidak melalui proses mahkamah untuk dibicarakan secara adil dan saksama.



BERITA HARIAN

15.10.2024
(SELASA)



Dua lagi 'safehouse' digeledah, lebih RM300,000 ditemui

SPRM serbu dua lokasi tempat simpanan hasil rasuah ahli politik

Oleh Rafiqah Md Dahali
b1news@bh.com.my

KOTA KINABALU: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menggeledah dua lagi 'safehouse' atau tempat penyimpanan hasil rasuah oleh seorang ahli politik berpengaruh, malam kelmarin.

Ta susulan penggeledahan pertama di sebuah pangasapari di Kuala Lumpur yang menemukan sejumlah mata wang asing RM5 juta dalam susutan skandal konseksi perkhidmatan pasir membabitkan Menteri Besar Selangor Pengerusi (MB).

Mengisahkan perkara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata memang ada dua lagi tambahan 'safehouse' yang digeledah dan turut menemui wang tunai RM321,000 di tempat berkenaan.

"Pegawai saya menggeledah dua lagi 'safehouse' yang dikatakan ada tersimpan wang.

"Salah satu daripadanya ada penemuan lebih kurang SG\$74,000 atau RM293,000.

"Kemudian di satu tempat pejabat di tempat wang lebih kurang RM78,000 dan kita juga mendapati maklumat ada wang telah dibuat pelaburan di Singapura, namun saya tidak boleh dedahkan berapa jumlahnya dan siapa pemiliknya.

"Rasanya akan ada lagi penem-

SPRM geledah 'safehouse' ahli politik simpan duit rasuah.



Keratan akhbar B1H semalam.

maan di 'safehouse' lain. Ini kita masih lagi menjalankan siasatan dan juga risikan terhadap penyimpangan wang ini. Mungkin ada dibuat penyimpanan di bank lain. Ini sedang kita siasat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas program Konvensyen Integriti, Tadbir Urus dan Antirasuah (KI-TAU) Tahun 2024 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SJOCC) di sini, semalam.

Sehingga ini, SPRM menyoroti tiga lokasi 'safehouse' selepas operasi pada Sabtu lalu di pangasapari milik ahli politik berpengaruh menemui SGD 520 juta (RM5 juta) dipercayai melibatkan konseksi perkhidmatan di Selangor sejak beberapa tahun lalu.

Seorang individu ditahan

Mengulas lanjut, Azam tidak menolak kemungkinan lebih banyak tangkapan berkaitan skandal itu akan dilakukan SPRM.

"Ada siasatan sebelum ini mengenai sama ada terdapat lokasi ('safehouse') lain. Jawapannya adalah ya," katanya.

Selagga ini, empat individu ditahan berhubung skandal itu membabitkan tiga lelaki dan seorang wanita.

Begaimanapun, katanya, hanya seorang daripada mereka ialah pengarah syarikat masih di-

tahan reman sehingga hari ini.

Seorang lagi individu iaitu bekas pekerja MBI berusia 45 tahun ditahan hanya satu malam kerana keadaan kanser prostatnya.

Individu ketiga seorang pemandu berusia 43 tahun dan empat bekas pegawai kewangan berusia 46 tahun dengan kedua-duanya direman tiga hari.

Beliau juga mengesahkan, ahli politik terbabit kini dalam susutan agensi antirasuah itu namun tidak mendedahkan identitinya.

Ahli politik terbabit katanya, akan dipanggil sebaik sahaja SPRM mengumpul dan mengesahkan semua bukti yang diperlukan, termasuk dokumen dan wang.

"Dia akan dipanggil pada suatu masa yang difikirkan sesuai oleh pegawai penyiasat," katanya sambil mengesahkan 13 saksi juga telah dipanggil serikat ini bagi membantu siasatan.

Katanya, kes berkenaan disiasat mengikut Akta Pencegahan Rasuah 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLATFPUAA).

B1H kelmarin memetik sumber sebagai berkata, SPRM menggeledah sebuah pangasapari di ibu negara yang dipercayai dijadikan 'safehouse' oleh seorang ahli politik berpengaruh untuk menyimpan wang hasil rasuah.

Pangasapari berkenaan dikatakan disewa seorang ahli perniagaan yang berselindung dengan pemimpin politik berpengaruh di Selangor itu.

Sumber itu berkata, penggeledahan berkenaan dibuat susulan seorang bekas eksekutif kanan MBI antara dua individu yang ditahan SPRM, baru-baru ini.



HARIAN METRO

15.10.2024
(SELASA)

SAFE HOUSE SOROK RM5 JUTA

'Panggil ahli politik jika wajar'

Oleh Rafiqah Dahali
am@hmetro.com.my

Kota Kinabalu

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak menolak akan ada lagi penemuan di *safe house* yang mempunyai kaitan dengan seorang ahli politik berpengaruh.

Agensi itu juga menerima maklumat bahawa ada wang dibuat pelaburan di Singapura.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya masih lagi menjalankan siasatan dan juga risikan terhadap penyimpanan wang ini.

Beliau berkata demikian selepas memaklumkan bahawa SPRM menggeledah dua lagi premis yang didakwa dijadikan sebagai *safe house* oleh ahli politik terbabit.

Kedua premis terbabit digeledah pada malam khamis susulan operasi SPRM sebelum ini yang menemui sejumlah mata wang asing berjumlah kira-kira RM5 juta di sebuah pangsapuri di Kuala Lumpur.

Menurutnya, kedua premis berkenaan membabitkan sebuah pejabat dan satu lagi tempat yang tidak



diperincikan.

"Hasil penggeledahan di dua *safe house* itu. Satu daripadanya membabitkan penemuan sebanyak 74,000 dolar Singapura, lebih kurang duit kita RM243,000.

"Kemudiannya penggeledahan di satu pejabat dijumpai wang lebih kurang RM78,000," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas program Konvensyen Integriti, Tadbir Urus dan Antirasuah (KITA) Tahun 2024 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC) di sini, semalam.

Program terbabit dirasmikan oleh Ketua Menteri

Sabah Datuk Seri Hajiji Noor.

Memperincikan mengenai suspek yang terbabit, Azam mengesahkan empat orang termasuk seorang wanita sudah ditahan setakat ini.

"Antara yang ditahan itu mempunyai kaitan dengan seorang pengarah

syarikat atau seorang ahli perniagaan.

"Seorang daripadanya adalah lelaki berusia 45 tahun dan pernah bertugas di Perbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) tetapi kita hanya dapat reman selama satu malam sahaja kerana dia mempunyai masalah kanser prostat.

"Turut ditahan adalah seorang pemandu berusia 43 tahun. Dia direman selama tiga hari dan sudah dilepaskan.

"Suspek wanita yang ditahan berusia 46 tahun dan dia adalah bekas seorang pegawai kewangan di satu syarikat yang mana mendapat konsesi perlombongan pasir, dia sudah dilepaskan selepas direman tiga hari," katanya.

Dalam pada itu, Azam turut ditanya sekiranya pihak SPRM sudah memanggil ahli politik yang terbabit untuk siasatan selanjutnya, beliau berkata, pihaknya akan panggil selepas mendapat bukti yang mencukupi.

"Ya, dia akan dipanggil pada satu masa yang difikirkan sesuai oleh pegawai penyiasat saya.

"Seperti mana lazimnya, kami perlu mendapatkan segala bukti yang kita rasa wajar, kita perlukan dan disahkan, barulah orang berkenaan akan dipanggil.

"Saya memang tidak akan menolak atau menafikan beliau akan dipanggil tapi selepas kami ataupun pegawai penyiasat saya berpuas hati mengenai beberapa lagi penemuan dokumen dan juga wang yang berkaitan.

"Sekarang ini lebih kurang 15 orang saksi sudah dipanggil. Saya jangka akan ramai lagi saksi yang akan dipanggil untuk siasatan.

Selain daripada mengikut Seksyen 46 Akta Pencegahan Rasuah 2009, kami juga akan membuka beberapa kertas siasatan mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA)," katanya.

Semalam, dilaporkan sejumlah mata wang asing bernilai kira-kira RM5 juta ditemukan SPRM ketika menggeledah sebuah pangsapuri.

Tindakan adalah susulan penahanan dua individu baru-baru ini termasuk seorang bekas eksekutif kanan di Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) berkait siasatan skandal rasuah jutaan ringgit berhubung konsesi perlombongan pasir di bawah anak syarikat cabang pelaburan negeri itu.



SINAR HARIAN

16.10.2024
(RABU)

Bekas eksekutif kanan syarikat petroleum direman minta rasuah

PUTRAJAYA - Seorang bekas eksekutif kanan sebuah syarikat berkaitan petroleum dan gas yang disyaki menerima rasuah RM370,000 sebagai balasan bagi mendapatkan kontrak untuk melantik konsultan bagi syarikat berkenaan, ditahan di sini pada Isnin.

Lelaki berusia lingkungan 50-an itu ditahan kira-kira jam 5.30 petang ketika hadir bagi memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM.

Perintah reman selama empat hari sehingga 18 Oktober telah dikeluarkan Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya.

Menurut sumber, siasatan awal mendapati suspek pada ketika itu yang bertugas sebagai eksekutif kanan di sebuah syarikat berkaitan petroleum dan gas dipercayai meminta serta menerima

**RASUAH
BUSTERS**

rasuah daripada empat individu bagi membolehkan mereka dilantik sebagai konsultan pakar geologi untuk kerja-kerja di syarikat tersebut.

"Kesemua individu tersebut dibayar antara RM750 hingga RM2,100 sehari bergantung kepada kadar bayaran konsultan pakar geologi dan tawaran yang diputuskan oleh syarikat suspek.

"Suspek disyaki menerima wang rasuah melalui transaksi pindahan ke akaun bank milik suspek daripada akaun bank keempat-empat individu tersebut yang berjumlah antara RM150 hingga RM500 sehari," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut.

Kes disiasat di bawah Seksyen 16(a) (A) Akta SPRM 2009.



Bekas eksekutif kanan sebuah syarikat berkaitan petroleum dan gas yang disyaki menerima rasuah RM370,000 direman sehingga 18 Oktober.



SINAR HARIAN

16.10.2024
(RABU)

Tidak adil kaitkan saya dengan Farhash – Perdana Menteri

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan adalah tidak adil untuk terus mengaitkannya dengan Datuk Farhash Wafa Salvador Rizal Mubarak hanya kerana pernah menjadi setiausaha politiknya sebelum ini.

Ia susulan dakwaan wujud campurtangan dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) termasuk melibatkan Farhash berkait isu pembelian saham oleh media antarabangsa, Bloomberg.

"Untuk terus kaitkan sebab dia pernah jadi staf (kakitangan), saya rasa kurang adil. Jawapan ini bagi saya jelas, bagaimanapun andai kata ada maklumat

yang melibatkan sesiapa pun termasuk Farhash dalam mana-mana kes, sila lapor.

"Apa yang dibangkitkan soal Farhash, kalau ada laporan, itu wajib disiasat tapi SPRM harus bertindak berdasarkan siasatan.

"Isu dia apa? Syarikat apa? Kes apa? Saya percaya YB Pasir Mas (Ahmad Fadhli Shaari) tahu bahawa apa yang dikaitkan itu satu syarikat (HeiTech Padu Bhd) yang melibatkan Tuanku Sultan (Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V). Itu tak melibatkan Farhash," katanya di Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Fadhli yang



ANWAR

FARHASH

meminta pihak berkuasa mendedahkan siasatan ke atas Farhash.

HeiTech Padu Bhd yang dikaitkan dengan Farhash merupakan salah satu

daripada tiga syarikat yang disenarai pendek oleh kerajaan pada Mac tahun ini untuk membangunkan projek NIISe bernilai RM1 bilion bertujuan sebagai pengganti sistem MyIMMs.

Farhash sebelum ini menyatakan bahawa saham yang dipegangnya dalam HeiTech melalui Rosetta Partners Sdn Bhd dimiliki bersama dengan Sultan Kelantan.

Tambah Ahli Parlimen Tambun itu, kelulusan kontrak dikaitkan itu juga dibuat oleh kerajaan terdahulu.

Justeru katanya, beliau tidak mahu memanjangkan isu-isu remeh dan melibatkan individu yang pernah menjadi kakitangannya.



SINAR HARIAN

16.10.2024
(RABU)

'Tiada arahan khusus kepada SPRM'

Anwar sangkal dakwaan Bloomberg isu beliau campur tangan dalam siasatan suruhanjaya itu

Oleh FARAH SHAZWANI ALI
KUALA LUMPUR

Tiada sebarang arahan khusus diberikan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam sebarang siasatan yang dilakukan sebagaimana didakwa agensi berita antarabangsa, Bloomberg.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, situasi sebenar yang berlaku hanyalah arahan umum diberikan-nya termasuk di Parlimen.

"(Sebelum ini) Saya mahu SPRM, LHDN (Lembaga Hasil Dalam Negeri), PDRM (Polis Diraja Malaysia) dan badan-badan penguat kuasa bertindak memerangi rasuah tanpa tolak ansur dan badan penguatkuasaan memerangi jenayah dengan tegas.

"Ini arahan yang diberikan tapi tidak melibatkan kes-kes khusus kerana SPRM seperti juga Jabatan Peguam Negara harus bertindak bebas dan telus tanpa rasa takut



Anwar menjawab soalan semasa sesi Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Parlimen pada Selasa.

atau pilih kasih," katanya ketika sesi pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan lisan yang dikemukakan **Ahmad Fadhli Shaari (PN-Pasir Mas)** yang meminta kerajaan menyatakan sama ada bersedia mengambil tindakan perundangan terhadap agensi berita antarabangsa Bloomberg.

Tambah Anwar, tohmahan tersebut bukanlah kali pertama yang dibuat agensi media antarabangsa itu kerana sebelum ini pernah membuat dakwaan berbahaya dan keterlaluan melibatkan beliau dan Yang di-Pertuan Agong dalam isu pembinaan kasino di Forest City.

"Dakwaan kedua pula berdasarkan laporan 26 September lalu tentang arahan kepada SPRM. Setakat ini, tindakan perundangan sedang diteliti.

"Pihak polis telah menerima laporan dan mengambil beberapa tindakan termasuk memanggil wakil Bloomberg dan individu terkait pada 1, 8 dan 11 Oktober yang lalu.

"Bagaimanapun, oleh kerana dalam siasatan PDRM, saya serahkan kepada mereka menyiasat dan untuk Peguam Negara mengambil tindakan sesuai. SPRM sendiri membuat kenyataan tegas dan menafikan tohmahan tersebut kerana apa yang berlaku hanyalah arahan umum saya lakukan termasuk di Parlimen," jelasnya.



SINAR HARIAN

17.10.2024
(KHAMIS)

Counter setting: 47 sindiket tumpas

25,214 warga asing
dikenakan notis *Not To
Land* setakat September

KUALA LUMPUR

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) melalui kerjasama agensi penguat kuasa termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menumpaskan 47 sindiket membawa masuk pekerja asing secara haram ke Malaysia setakat Oktober tahun ini.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, ia melibatkan penangkapan 1,285 ahli sindiket dan pendatang asing tanpa izin.

Beliau berkata, JIM turut mengetatkan pemeriksaan di kaunter pintu masuk bagi memastikan yang layak sahaja dapat masuk ke Malaysia.

"Bagi yang tidak layak, kita mengenakan notis *Not To Land* (NTL) atau notis penolakan masuk dan sehingga September, 25,214 warga asing dikenakan notis NTL," katanya di Dewan Rakyat pada Rabu.

Beliau menjawab soalan **Datuk**



Saifuddin Nasution ketika menjawab soalan Takiyuddin semasa sidang Dewan Rakyat pada Rabu.

Seri Takiyuddin Hassan (PN-Kota Bharu) mengenai langkah tegas kerajaan dalam menangani sindiket membawa masuk warga asing melalui modus operandi mengatur kaunter (*counter setting*) yang turut didalangi penguat kuasa agensi yang bertugas di pintu masuk udara negara.

Saifuddin Nasution berkata, antara langkah yang dilaksanakan JIM bagi membanteras sindiket terbabit ialah memperkasakan pemantauan seliaan ke atas pegawai yang bertugas di kaunter, membuat pemantauan melalui kamera litar tertutup (CCTV) di bilik kawalan serta lawatan mengejut ke

kaunter imigresen.

Selain itu, pegawai yang bertugas di kaunter tidak dibenarkan membawa alat telekomunikasi dan pemeriksaan badan dilakukan sebelum dan selepas bertugas.

Beliau berkata, JIM juga mewujudkan pasukan khas yang membuat rondaan sebelum pengembara ke kaunter imigresen.

Menerusi hasil rondaan beliau berkata, 6,694 pengembara disekat memasuki Malaysia setakat September lepas antaranya disebabkan tiada alamat tempat tinggal di Malaysia dan tidak cukup wang. - Bernama



BERITA HARIAN

17.10.2024
(KHAMIS)

SPRM geledah enam lagi premis kes rasuah konsesi lombong pasir

Ahli perniagaan direman sejak Khamis lalu ditahan semula

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam mengeledah enam lagi premis berhubung siasatan skandal rasuah konsesi lombong pasir Menteri Besar Selangor, Pengerusi MBI dan dikaitkan dengan seorang ahli politik berpengaruh.

Bagaimanapun, SPRM tidak mendedahkan sebarang rampasan dalam serbuan di lima unit pejabat dan sebuah kediaman di sekitar Lembah Klang itu.

"Hari ini (semalam), enam premis lagi digeledah, tetapi bukan 'safe house' sebaliknya sebuah unit kediaman dan lima unit pejabat di sekitar Lembah Klang.

"Semua premis yang digeledah tidak disita," kata sumber kepada BH.

Dalam pada itu, sumber berkata ahli perniagaan yang ditahan reman sejak Khamis lalu berhubung kes skandal rasuah lombong pasir itu ditahan semula semalam.

Sah ditahan

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mengesahkan penahanan itu, namun enggan mengulas lanjut.

Sumber berkata individu terbabit ditahan semula selepas perintah tahanan reman berkaitan kes pertama tamat semalam.

"Pegawai penyiasat memutuskan untuk menahan semula ahli perniagaan itu kerana menerima maklumat yang dia mungkin terbabit dalam satu lagi kes rasuah.

"Kes kedua juga ada kaitan dengan MBI, tetapi membabitkan

projek lain di bawahnya," kata sumber itu.

Ahli perniagaan itu ialah antara empat individu yang ditahan SPRM minggu lalu berhubung siasatan skandal rasuah bernilai jutaan ringgit berkaitan konsesi

periombongan pasir di bawah MBI Selangor.

Seorang bekas pekerja MBI berusia 45 tahun ditahan kelmarin, manakala seorang pemandu berusia 43 tahun dan seorang bekas pegawai kewangan berusia 46 tahun yang didakwa terbabit dalam kes konsesi pasir itu.

Azam sebelum ini berkata, seorang ahli politik dikaitkan dengan siasatan itu, namun beliau tidak mendedahkan namanya dan menyatakan, ahli politik itu

akan dipanggil selepas penyiasat mengumpul serta mengesahkan semua bukti diperlukan, termasuk dokumen dan wang.

Dalam serbuan sebuah 'safe house' Sabtu lalu, SPRM menjumpai SG\$1.529 juta (RM5 juta).

Pada Isnin, Azam berkata, pegawainya juga menemui dua rumah selamat lain dengan satu daripada rumah itu menempatkan wang tunai berjumlah kira-kira SG\$74,000 iaitu RM243,000

mengikut kadar semasa.

Katanya, SPRM juga menemui kira-kira RM78,000 di pejabat lain, selain menerima maklumat yang sebahagian wang sudah dilaburkan di Singapura dan mungkin terdapat akaun lain di bank berbeza.

Beberapa kertas siasatan dibuka mengikut Akta Pencegahan Rasuah 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan 2001.





HARIAN METRO

18.10.2024
(JUMAAT)

Suami isteri nafi kemuka dokumen tuntutan palsu bernilai RM655,512

Tawau: Pasangan suami isteri dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Khas Rasuah di sini, semalam terhadap 15 pertuduhan mengemukakan dokumen palsu untuk tuntutan membabitkan pembayaran berjumlah RM655,512 kira-kira 11 tahun lalu.

Bekas ketua pegawai eksekutif Junaidi Abdul Rahman, 63, dan pegawai eksekutif Albina Ogor Abdullah, 50, sebuah syarikat berkaitan perdagangan petroleum masing-masing mengaku tidak bersalah secara berasingan di hadapan Hakim Jason Ju-

Mengikut kesemua pertuduhan, Junaidi didakwa dengan curang menggunakan suatu dokumen palsu sebagai tulen iaitu Delivery Ticket Petron Oil (M) Sdn Bhd untuk membuat tuntutan kepada Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) bagi pembayaran sejumlah 260,000 liter diesel ke Stesen Janakuasa Tawau.

Perbuatan itu menyebabkan SESB membayar sebanyak RM655,512 kepada syarikat Petrohub Corporation Sdn Bhd (PCSB) milik tertuduh yang mana dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dokumen itu



JUNAIDI
adalah palsu.

Kesalahan itu dilakukan di Stesen Janakuasa Tawau, di sini, antara 8 hingga 11 April 2013.



ALBINA

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 465 kanun sama dan jika sabit

kesalahan boleh dihukum penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Sementara itu, Albina pula berdepan 15 pertuduhan bersubahat dengan suaminya mengikut Seksyen 109 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 471 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 465 kanun sama.

Ia memperuntukkan hukuman penjara selama tempoh sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Prosiding dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya

Nurul Izzati Sapifie dan Pegawai Pendakwa SPRM Sabah Norsham Saharom, sementara kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.

Pihak pendakwaan menawarkan jaminan RM10,000 untuk kesemua pertuduhan berserta syarat tambahan iaitu melapor diri di pejabat SPRM, passport diserahkan kepada mahkamah selain tidak mengganggu saksi.

Saharom turut memohon sebutan kes dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Khas Rasuah di Kota Kinabalu kerana kedua-dua tertuduh menetap di sana.



SINAR HARIAN

18.10.2024
(JUMAAT)

SPRM siasat 20 projek di Selangor

Dipercayai ada kaitan kes rasuah konsesi perlombongan pasir melibatkan syarikat MBI

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
KUALA LUMPUR

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang menyiasat 20 projek melibatkan pembangunan di Selangor yang dipercayai ada kaitan dengan kes rasuah konsesi perlombongan pasir melibatkan syarikat Menteri Besar Selangor Pernerbadanan (MBI).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya juga sedang meneliti lima buah syarikat dipercayai mempunyai saham membabitkan beberapa individu termasuk ahli politik yang dikaitkan dengan kes itu.

Sehubungan itu kata beliau, siasatan masih giat dijalankan bagi mengumpul semua maklumat diperlukan.

"Kes MBI pada awalnya bermula dengan satu kes tetapi sekarang sudah bertambah menjadi beberapa kes. Tidak mustahil kemungkinan akan timbul lagi kes selepas ini ber-

dasarkan siasatan dijalankan oleh pegawai penyiasat dan sebab itu juga kita hendak memeriksa 20 lagi projek yang dikaitkan.

"Silap-silap satu projek yang diasiasat itu akan membuka satu kertas siasatan tersendiri," katanya dalam sidang akhbar pada Khamis.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Persidangan Meja Bulat Ketua Pesuruhjaya SPRM Bersama Bank-Bank Komersial.

Dalam pada itu, ketika diminta pemberita untuk mengesahkan isu tular di media sosial seorang bekas menteri yang juga pemimpin kanan dalam sebuah parti yang dikaitkan dengan kes ini, Azam enggan mengulas berhubung dakwaan itu.

"Saya tidak mahu komen berhubung perkara itu. Ia boleh jadi



AZAM

sesiapa sahaja. Jadi kita tunggu sahaja," jelasnya.

Beliau mengesahkan siasatan ketika ini hanya melibatkan seorang ahli politik sahaja dan nama ahli politik itu masih dirahsiakan.

Ujarnya, tiada ahli politik lain di Selangor berada dalam radar siasatan yang giat dilakukan pada masa ini.

"Saya tidak tahu dan buat masa ini mungkin hanya melibatkan seorang sahaja. Masih belum lagi timbul nama-nama ahli politik lain yang terlibat," tambahnya.

Mengulas lanjut mengenai kes MBI, Azam berkata, SPRM menjalankan siasatan berdasarkan kepada maklumat dan aduan daripada pelbagai pihak.

Tegas beliau, sekiranya ada dakwaan bahawa siasatan kes MBI dibuat kerana ada unsur politik, ia adalah tidak benar.

"SPRM hanya melaksanakan tugas diamanahkan dan tidak bermotifkan politik. Semua siasatan dijalankan berdasarkan maklumat atau aduan yang diberikan oleh orang ramai.

"Timbul perkara yang mengatakan ini isu politik dan sebagainya, terserahlah kepada mana-mana mereka hendak sebut tentang hal berkenaan. Saya tidak ada komen tentang perkara itu," ulasnya.

SPRM sita wang tunai RM600,000

KUALA LUMPUR - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menemukan wang tunai berjumlah RM600,000 setelah menggeledah sebuah premis dipercayai ada kaitan dengan ahli politik berpengaruh pada Rabu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, serbuan dilakukan SPRM itu susulan siasatan kes rasuah membabitkan Menteri Besar Selangor Pernerbadanan (MBI) berhubung skandal perlombongan pasir.

Beliau berkata, wang tersebut ditemukan di sebuah kediaman setelah SPRM pada Rabu bertindak menggeledah enam premis dipercayai menyimpan bahan kes.

"Seperti anda tahu, ada enam buah premis telah di-geledah oleh SPRM dan kita telah menyita wang sebanyak RM600,000 dipercayai mempunyai kaitan dengan ahli politik disyaki.

"Wang tersebut ditemukan di sebuah kediaman di Lembah Klang," katanya.

Ia menjadikan sejak Sabtu lepas, secara keseluruhan sebanyak sembilan premis di-geledah dan wang tunai hampir RM6 juta

disita SPRM, termasuk penemuan wang tunai dalam mata wang asing berjumlah RM5 juta di sebuah kediaman pada malam Sabtu lepas dan RM321,000 di dua buah premis lain.

Sementara itu, Azam berkata, pihaknya telah mendapat perintah reman selama enam hari terhadap seorang lagi individu berusia 45 tahun yang juga merupakan bekas Ketua Pegawai Operasi (COO) MBI.

Menurutnya, suspek tersebut sebelum ini pernah ditahan reman selama sehari oleh SPRM bersama seorang lagi suspek.

Katanya lagi, SPRM telah mendapat permohonan reman selama tujuh hari terhadap COO tersebut pada Khamis bagi membantu siasatan.

Ditanya sama ada terdapat premis yang di-geledah itu milik suspek, Azam berkata, hampir kesemua premis merupakan kediaman yang bukan milik suspek.

"Hampir semua rumah atau premis yang di-geledah bukan milik suspek dan ada antaranya adalah rumah sewa dan sebagainya," ujarnya.



Laporan Sinar Harian pada Isnin.



SINAR HARIAN

18.10.2024
(JUMAAT)

Counter Setting: Tiga kod nama 'ikan besar' tiada kaitan

KUALA LUMPUR - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan tiga kod nama 'ikan besar' yang didakwa sebagai kartel penting dalam sindiket *Counter Setting* tidak mempunyai kaitan dalam siasatan kes terbabit.

Penafian itu dibuat susulan pendedahan sebuah portal berita tempatan sebelum ini mendakwa sekurang-kurangnya tiga individu dikenali sebagai Tok Yah atau Tok Ayah, DK dan Adik merupakan 'kartel' penting dalam sindiket terbabit.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, satu arahan telah dikeluarkan pihaknya untuk memeriksa ketiga-tiga nama terbabit seperti yang didakwa sebelum ini.

"Saya secara peribadi tidak pernah dengar nama-nama ini, jadi saya arahan pegawai untuk memeriksanya.

"Pagi ini (Khamis) pegawai saya beritahu ketiga-tiga kod nama itu (Tok Ayah, DK dan Adik) tiada kena-mengena dengan kes *Counter Setting*," katanya.

Sebelum ini, sebuah portal berita tempatan mendakwa tiga 'ikan besar' yang merupakan individu penting dalam kes itu masih lagi bebas.

Portal terbabit turut mendakwa sekurang-kurangnya tiga individu dikenali sebagai Tok Yah atau Tok Ayah dan DK merupakan dua dalang utama, selain dibantu oleh Adik untuk menjadi orang tengah dengan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Susulan laporan itu, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail meminta nama yang terlibat dalam sindiket *sounter setting* daripada portal terbabit untuk disemak dan diserahkan kepada SPRM.



HARIAN METRO

19.10.2024
(SABTU)

SPRM perlu teliti tatakelola tender 1BestariNet

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu melihat beberapa isu tatakelola dalam pemberian tender membabitkan projek 1BestariNet sebelum memanggil pihak berkaitan termasuk Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya akan memanggil mana-mana pihak termasuk bekas perdana menteri itu.

Bagaimanapun, katanya,

pihaknya dimaklumkan oleh ketua pegawai siasatan kes itu bahawa masih banyak perkara yang perlu diteliti.

"Pegawai penyiasat kini sedang melihat secara rawak mengenai pembekalan data yang diberikan oleh syarikat berkenaan

kepada pihak sekolah. Di-
sebabkan itu, kami perlu mengkaji de-

ngan teliti.

"Dalam kes 1Bestarinet, saya ulang sekali lagi bahawa kami bukan sahaja melihat dari segi isu jenayah tetapi juga pelbagai isu berkaitan tatakelola dalam pemberian tender berkenaan kepada syarikat terbabit," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media ketika menghadiri Majlis Menandatangani Lapo-

ran Penambahbaikan Tatakelola antara SPRM bersama Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) di Menara Perkeso di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perkeso Datuk Seri Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Menurutnya, Muhyiddin serta pihak lain berkaitan dengan kes itu akan dipanggil pihaknya, namun bukan dalam tempoh terdekat.

SPRM akan memanggil mana-mana pihak termasuk bekas perdana menteri



SINAR HARIAN

19.10.2024
(SABTU)

Dua penguat kuasa, ejen ditahan SPRM

Ketiga-tiga suspek disyaki mengatur kemasukan warga asing Indonesia

GEORGE TOWN

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan dua pegawai agensi penguat kuasa dan seorang warga Bangladesh selepas dipercayai terlibat mengatur kemasukan warga asing menerusi laluan kaunter khas di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP).

Dua pegawai agensi penguat kuasa membabitkan seorang lelaki dan wanita berusia lingkungan 40-an ditahan ketika mereka hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Pulau Pinang kira-kira jam 12.30 tengah hari pada Jumaat.

Menurut sumber, tangkapan terhadap kedua-dua pegawai agensi penguat kuasa terbabit susulan lelaki warga Bangladesh dicekup di sebuah hotel di sekitar negeri ini kira-kira jam 9 malam pada Khamis.

"Kedua-dua pegawai ini dipercayai bersekongkol dengan lelaki warga Bangladesh yang bertindak sebagai ejen mengatur



Dua penguat kuasa dan seorang warga asing mengatur kemasukan seorang lelaki Indonesia ditahan SPRM Pulau Pinang. -Gambar hiasan

laluan masuk seorang warga Indonesia tanpa melalui pemeriksaan sepatutnya.

"Berdasarkan siasatan awal, lelaki Bangladesh bersama pegawai agensi penguat kuasa lelaki meminta RM4,500 daripada seorang lelaki warga Indonesia yang tiba dengan pesawat melalui LTAPP pada 22 September lalu sebagai balasan membantunya memasuki negara ini," katanya.

Difahamkan, lelaki warga Indonesia memohon masa menyediakan wang sebelum diarahkan ke satu kaunter khas bagi urusan masuk tanpa melalui pemeriksaan sepatutnya.

"SPRM menahan lelaki warga Bangladesh selepas menerima RM2,000 daripada lelaki

warga Indonesia terbabit.

"Lelaki warga Bangladesh direman tujuh hari bermula Jumaat manakala permohonan reman terhadap dua pegawai agensi penguat kuasa pula akan dibuat di Mahkamah Majistret George Town pada Sabtu," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Pulau Pinang, Datuk Mohd Fuad Bee Basrah ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terhadap ketiga-tiga suspek.

Beliau berkata, kedua-dua pegawai agensi penguat kuasa terbabit disiasat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009 manakala lelaki warga Bangladesh ditahan akan disiasat di bawah Seksyen 16(b) (B) akta sama. - Bernama



BERITA HARIAN

20.10.2024
(AHAD)

Kes rasuah konsesi lombong pasir

SPRM tak tolak kemungkinan ada lagi 'safe house' akan digeledah

Langkah dilaksanakan berdasarkan hasil siasatan

Oleh Zatul Iffah Zolkiply
zatuliffah@bh.com.my

Kuala Nerus: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mungkin akan mengeledah lagi premis yang dipercayai dijadikan *safe house* berkaitan kes rasuah konsesi perlombongan pasir.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata menjadi tugas pihaknya menjalankan serbuan dan mengeledah mana-mana tempat berdasarkan hasil siasatan yang diperolehi.

Katanya, setakat ini, sembilan premis yang disyaki mempunyai kaitan dengan ahli politik terkait kes rasuah konsesi lombong pasir sudah digeledah.

"Saya tidak menolak kemungkinan (dan) kalau ada, kerja kami untuk mendapatkan bukti-bukti dan kalau sekiranya perlu kita geledah, kita geledahlah.

"Apa nama baik yang digunakan itu tidak penting, *safe house* ke rumah selamat ke rumah sim-



Azam beramah mesra dengan kadet KOR SUAR pada Majlis Tamat Latihan dan Pentauliahah Pegawai Integriti Muda (YIO)/Kadet KOR Sukarelawan Mahasiswa Antirasuah (KOR SUAR) UniSZA Kohort 2/2024, di Kuala Nerus, semalam. (Foto Ghazali Kori/BH)

panan ke, tak kisah.

"Mana-mana tempat yang mempunyai barang bukti menjadikan tugas pada pegawai penyiasat saya untuk mencari bukti berkenaan," katanya selepas Majlis Tamat Latihan dan Pentauliahah Pegawai Integriti Muda (YIO)/Kadet KOR Sukarelawan Mahasiswa Antirasuah (KOR SUAR) Universi-

ti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kohort 2/2024 di sini, semalam.

Sudah panggil 20 saksi

Azam berkata, kira-kira 20 saksi sudah dipanggil bagi membantu siasatan setakat ini.

Beliau berkata, mungkin ada beberapa lagi individu yang akan dipanggil untuk membantu sia-

satkan, termasuk memanggil ahli politik yang terkait dalam kes berkenaan.

"Untuk nilai rampasan, buat masa ini, saya belum berhasrat untuk memberi keseluruhan. Itu saya biarkan dulu sehingga kita dapat segala bukti-bukti, keterangan yang lebih jelas.

"Saya akan maklumkan dari

masa ke masa kerana ini sudah menjadi isu *public interest*," katanya.

Sebelum ini, SPRM dilaporkan mengeledah sebuah pangapuri didakwa dijadikan *safe house* seorang ahli politik berpengaruh dan menemui sejumlah mata wang asing berjumlah kira-kira RM5 juta.



BERITA HARIAN

20.10.2024
(AHAD)

2 pegawai imigresen dipercayai atur kemasukan warga asing di LTAPP direman

Georgetown: Dua pegawai Jabatan Imigresen direman tiga hari bagi membantu siasatan selepas dipercayai mengatur kemasukan warga asing menerusi lauan kaunter khas, di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP).

Majistret Muhamad Qayyum Noordin mengeluarkan perintah reman terhadap lelaki dan wanita berusia lingkungan 40-an terbabit sehingga esok, selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) Pulau Pinang.

Terdahulu, orang yang disiasat tiba di Kompleks Mahkamah Pulau Pinang dengan memakai baju lokap berwarna jingga kira-kira jam 10 pagi diiringi pegawai SPRM.

Menurut sumber, dua pegawai terbabit ditahan ketika hadir untuk dirakam keterangan di Pejabat SPRM Pulau Pinang sekitar jam 12.30 hingga 1.30 tengah hari kelmarin.

Katanya, dua pegawai terbabit ditahan susulan tangkapan membabitkan seorang lelaki warga Bangladesh di sebuah hotel di sekitar negeri ini kira-kira jam 9 malam, Khamis lalu.

"Kedua-dua pegawai agensi penguat kuasa berkenaan dipercayai bersekongkol dengan lelaki warga Bangladesh tersebut yang bertindak sebagai ejen bagi mengatur lauan masuk seorang warga Indonesia tanpa melalui pemeriksaan sepatutnya.

"Berdasarkan siasatan awal, lelaki Bangladesh bersama pe-



Dua pegawai penguat kuasa dibawa ke Kompleks Mahkamah Pulau Pinang, semalam. (Foto Aminah Yusof/BH)

gawai agensi penguat kuasa lelaki terbabit meminta wang kira-kira RM4,500 daripada seorang lelaki warga Indonesia yang tiba dengan pesawat melalui LTAPP pada 22 September lalu sebagai balasan membantunya masuk ke negara ini," katanya.

Difahamkan, lelaki warga Indonesia terbabit kemudian memohon masa untuk menyediakan wang berkenaan sebelum

diarahkan pergi ke satu kaunter khas yang dijaga seorang pegawai wanita bagi urusan masuk ke negara ini tanpa melalui pemeriksaan sewajarnya.

Kelmarin, Majistret Syahirah Abdul Salim membenarkan lelaki warga Bangladesh terbabit direman selama tujuh hari sehingga 24 Oktober ini selepas permohonan dibuat SPRM di mahkamah sama.

Pengarah SPRM Pulau Pinang, Datuk Mohd Fuad Bee Basrah ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terhadap ketiga-tiga suspek berkenaan.

Beliau berkata, kedua-dua pegawai agensi penguat kuasa terbabit disiasat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009, manakala lelaki warga Bangladesh itu disiasat mengikut Seksyen 16(b)(B) akta yang sama.



SINAR HARIAN

20.10.2024
(AHAD)

Dua penguat kuasa atur kemasukan warga asing direman

GEORGE TOWN - Dua pegawai agensi penguat kuasa direman tiga hari sehingga 21 Oktober depan bagi membantu siasatan berhubung kes mengatur kemasukan warga asing menerusi laluan kaunter khas di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP).

Perintah reman tersebut dikeluarkan Majistret Muhamad Qayyum Noordin di Mahkamah Majistret di sini, pada Sabtu.

Kedua-dua pegawai berusia lingkungan 40-an itu ditahan antara jam 12.30 tengah hari hingga 1.30 petang pada Jumaat ketika hadir di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang bagi dirakam-

kan keterangan.

Menurut sumber, tangkapan kedua-dua pegawai itu dibuat susulan penahanan seorang lelaki Bangladesh di sebuah hotel di sini, pada jam 9 malam, Khamis.

"Kedua-dua pegawai agensi penguat kuasa itu dipercayai telah bersekongkol dengan lelaki warga Bangladesh berkenaan yang bertindak sebagai ejen bagi mengatur laluan masuk seorang warga Indonesia tanpa melalui pemeriksaan sepatutnya," katanya di sini, pada Sabtu.

Tambah sumber itu, berdasarkan siasatan awal, lelaki Bangladesh berkenaan bersama pegawai lelaki agensi penguat kuasa terbabit di-

dakwa telah meminta wang sebanyak RM4,500 daripada seorang lelaki warga Indonesia yang tiba di LTAPP pada 22 September lalu sebagai balasan membantunya masuk ke negara ini.

"Lelaki warga Indonesia terbabit kemudian meminta tempoh untuk menyediakan wang berkenaan sebelum diarahkan pergi ke satu kaunter khas yang dijaga seorang pegawai wanita bagi urusan masuk ke negara ini tanpa melalui pemeriksaan sepatutnya.

"Susulan daripada itu, SPRM Pulau Pinang telah menahan lelaki warga Bangladesh berkenaan selepas dia dipercayai menerima wang kira-kira RM2,000 daripada seorang wanita warga Indonesia tersebut," katanya.

Lelaki Bangladesh tersebut direman selama tujuh hari sehingga 24 Oktober ini selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Georgetown, pada Jumaat.

Sementara itu, Pengarah SPRM Pulau Pinang, Datuk Mohd Fuad Bee Basrah ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terhadap ketiga-tiga suspek berkenaan.

Menurut beliau, kedua-dua pegawai agensi penguat kuasa terbabit disiasat di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009, manakala lelaki warga Bangladesh tersebut pula disiasat di bawah Seksyen 16(b)(B) akta sama.



Dua suspek ditempatkan di lokap SPRM Pulau Pinang sepanjang tempoh reman.



SINAR HARIAN

22.10.2024
(SELASA)

SPRM, JIM mahu sapu bersih pegawai terlibat skandal *counter setting*

PUTRAJAYA

Operasi bersepadu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) membongkar kegiatan *counter setting* di pintu masuk negara sehingga tertangkapnya 50 pegawai penguat kuasa yang belot perlu menjadi titik tolak kepada pembersihan besar-besaran JIM daripada skandal rasuah dan penyelewengan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mendedahkan, operasi yang giat dijalankan ketika ini tidak akan berjaya tanpa perbincangan sulit dengan bekas Ketua Pengarah JIM, Datuk Ruslin Jusoh selain maklumat dalaman daripada beberapa pegawai jabatan berkenaan.

Menurut beliau, inisiatif Ruslin yang ingin membersihkan JIM dari aspek tatakelola, isu rasuah dan masalah integriti tidak kira di peringkat tertinggi mahupun bawahan wajar dipuji serta dijadikan tauladan oleh jabatan lain.

"Hal membersihkan jabatan bukannya mudah. Menerusi perbincangan

SPRM dan beberapa pegawai tertentu daripada JIM, kami tak boleh menjalankan operasi sekiranya tiada maklumat dalaman, pengesanan dan pengesanan kerana ia amat penting.

"Berdasarkan maklumat ini, kami lakukan analisis dan hasilnya ketika tangkapan dibuat, seramai 49 pegawai imigresen terlibat. Ia jarang berlaku (penangkapan beramai-ramai dalam satu masa).

"Apa yang paling penting adalah tindakan susulan oleh Ketua Pengarah JIM yang baharu tentang bagaimana nak tangani isu ini," katanya secara eksklusif menerusi dokumentari bertajuk 'Tali Barut' yang disiarkan dalam segmen Xtra360 di saluran YouTube *Sinar Harian*.

JIM kini diketuai Datuk Zakaria Shaaban yang dilantik pada 17 September lalu.

Pada 18 September,

SPRM memaklumkan pihaknya menahan seramai 50 penguat kuasa, dua ejen dan lapan keldai akaun kerana disyaki bersekongkol dengan sindiket membawa masuk warga asing menerusi operasi *counter setting* atau 'kaunter laluan khas' di pintu masuk negara.

Seramai 49 pegawai JIM dan seorang sarjan polis wanita ditahan.

Tangkapan itu dibuat di Selangor, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur, Pahang, Johor dan Melaka.

Lebih RM500,000 wang tunai ditemui di dalam bagasi milik seorang pegawai kanan wanita Gred KP22

JIM di Pahang dan hampir RM250,000 dijumpai di bawah katil bilik tidur pegawai imigresen Gred KP19 yang kini bertugas di Melaka. Jumlah keseluruhan sitaan termasuk barang kemas, kenderaan dan akaun bank adalah lebih RM3.6 juta.

Azam berkata, individu yang terlibat bukan sahaja wajar dijatuhi hukuman tegas dari segi undang-undang, malah patut dikenakan tindakan tatatertib.

Hal ini kerana menurutnya, daripada keseluruhan 1.4 juta penjawat awam, masih ramai yang menjalankan tugas dengan baik dan golongan sebegini patut dijaga supaya tidak terjebak dengan jenayah rasuah.

"Justeru, kategori yang bermasalah wajib diambil tindakan tegas. Waima perlu buang kerja, saya cadangkan buang kerja. Kalau tidak, semuanya akan bersikap sambil lewa disebabkan tiada tindakan tegas.

"Saya harap pihak JIM segera buat penyiasatan dalaman sepertimana dicadangkan oleh SPRM. Ini sebagai teladan kepada jabatan lain supaya tidak berlaku lagi (jenayah rasuah)," katanya.



AZAM BAKI



HARIAN METRO

23.10.2024
(RABU)



SUSPEK direman lima hari bagi membantu siasatan.

Disyaki seleweng wang pelaburan RM3.2 juta

Ipoh: Seorang ahli lembaga koperasi sebuah agensi kerajaan direman lima hari bagi membantu siasatan disyaki menyalah guna kuasa bagi menyeleweng wang pelaburan RM3.2 juta.

Majistret Siti Hanum Mohamad Sah membenarkan permohonan reman pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap lelaki berusia 46 tahun itu semalam sehingga Sabtu depan.

Reman bagi membolehkan siasatan lanjut dibuat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Difahamkan, ahli lemb-

ga koperasi agensi pembukaan tanah di daerah Perak Tengah itu disyaki menyalahguna jawatan dengan mengarahkan wang pelaburan RM700,000 dan RM2.5 juta dari koperasi dimasukkan ke akaun syarikat milik adik dan isterinya, tanpa sebarang projek dilaksanakan.

Suspek terdahulu hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Perak, Bandar Meru Raya di sini, pada jam 2.25 petang kelmarin.

Pengarah SPRM Perak, Datuk Ahmad Sabri Mohamed ketika dihubungi mengesahkan kes itu dan siasatan lanjut dijalankan.



HARIAN METRO

23.10.2024
(RABU)

Melaka: Dua anggota polis berpangkat koperal dan seorang lans koperal didakwa di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, semalam, atas pertuduhan meminta dan menerima suapan RM3,000 sebagai dorongan tidak mengambil tindakan terhadap pasangan kekasih yang berdua-duaan dalam kenderaan, tahun lalu.

Tertuduh, koperal Muhammad Adham Samsudin, 34, koperal Muhammad Najib Muhammad, 36, dan lans koperal Wan Muhammad

Dua polis didakwa terima suapan RM3k

Fauzi Zulkefli, 29, mengaku tidak bersalah sebaik dua pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah.

Pendakwaan dilakukan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Abd Muntaqim Abdul Aziz di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan, manakala ketiga-tiga tertuduh diwakili peguam, Umar Zulkarnain.

Berdasarkan pertuduhan

pertama dan kedua, semua tertuduh dengan niat bersama secara rasuah meminta serta menerima untuk diri sendiri wang rasuah berjumlah RM3,000 untuk tidak mengambil tindakan terhadap satu pasangan lelaki dan perempuan kerana berdua-duaan di dalam kenderaan.

Kesalahan itu dilakukan di bilik rehat Balai Polis Melaka Tengah pada 7 Ok-

tober 2023, jam 3.30 pagi dan di Pondok Polis Pelancong, Jonker Walk di sini, jam 4.30 pagi.

Mereka dituduh mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Sabit kesalahan boleh dipenjara maksimum 20 tahun atau denda tidak ku-

rang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana yang tinggi.

Abd Muntaqim mencadangkan jaminan RM10,000 setiap tertuduh dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan lapor diri di pejabat SPRM sebulan sekali, tidak mengganggu saksi pendakwaan selain passport diserahkan kepada mahkamah.

Peguam merayu jaminan rendah dengan alasan gaji pokok ketiga-tiga tertuduh antara RM2,400 dan RM3,300 serta mempunyai tanggungan keluarga dan anak kecil.

Selepas menimbangkan hujah kedua-dua pihak, mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM8,000 seorang berserta syarat tambahan seperti dipohon pendakwaan dan menetapkan 20 November ini untuk sebutan semula kes.



SINAR HARIAN

23.10.2024
(RABU)

Ahli lembaga koperasi direman 5 hari

Disyaki salah guna
jawatan, babitkan
wang RM3.2 juta

IPOH

Seorang pegawai khas projek yang juga ahli lembaga sebuah koperasi direman lima hari bermula Selasa hingga 26 Oktober ini kerana disyaki menyalahgunakan jawatan, membabitkan wang sebanyak RM3.2 juta.

Perintah reman terhadap lelaki berusia lingkungan 40-an itu dikeluarkan Majistret Siti Hanum Mohmad Sah di Mahkamah Majistret Sivil 1 di sini jam 10.45 pagi.

Terdahulu, lelaki yang berpakaian lokap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) itu tiba di Kompleks Bangunan Mahkamah Tinggi Ipoh pada jam 10.20 pagi de-



FOTO: BERNAMA

Seorang pegawai khas projek yang juga ahli lembaga sebuah koperasi (kiri) direman lima hari bermula Selasa hingga 26 Oktober ini.

ngan menaiki van SPRM.

Menurut sumber SPRM, suspek ditahan di Pejabat SPRM Perak, di sini pada jam 2.25 petang, Isnin kerana disyaki melakukan dua kesalahan menyalahgunakan kedudukannya sebagai ahli lembaga koperasi.

Pertama, suspek disyaki menyalah guna kedudukannya dengan mengarahkan wang pelaburan bernilai RM700,000 daripada sebuah koperasi di-

masukkan ke akaun syarikat milik adiknya tanpa pelaksanaan projek.

Suspek juga disyaki menyalah guna kedudukannya dengan mengarahkan wang pelaburan bernilai RM2.5 juta daripada sebuah syarikat dimasukkan ke akaun syarikat milik isterinya tanpa sebarang pelaksanaan projek, dan kedua-dua kes itu disiasat di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009. - Bernama



SINAR HARIAN

23.10.2024
(RABU)

SPRM perlu audit forensik ketidakpatuhan pengurusan projek

SHAH ALAM -

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) digesa menjalankan audit forensik bagi meneliti sebarang ketidakpatuhan pengurusan projek dan konsesi termasuk kos dibelanjakan serta pemberian tender.

Yang Dipertua

Ikram Kuala Lumpur, Zainal Adnan Abdul Halim berkata, badan penguatkuasaan itu memainkan peranan untuk menilai sama ada proses tender konsesi berkenaan dijalankan secara telus, kompetitif dan mengikut prosedur yang sah.

Ujarnya, jika terdapat bukti kukuh menunjukkan manipulasi atau pemberian konsesi tidak adil, tindakan undang-undang perlu diambil terhadap mereka yang terlibat.

"SPRM diharapkan dapat menjalankan siasatan terperinci dengan segera dan membuat pembongkaran sekiranya ada salah laku atau ketidakaturan dalam pemberian konsesi ini.

"Siasatan lengkap perlu dilakukan dengan mengumpulkan bukti termasuk dokumen perjanjian konsesi, laporan ke-



ZAINAL ADNAN

wangan serta rekod pertemuan antara pihak terlibat," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Sebelum ini, media melaporkan siasatan yang dilakukan SPRM melibatkan kes Pernerbadanan Menteri Besar

Selangor (MBI) berkaitan rasuah konsesi perlombongan pasir yang turut melibatkan seorang ahli politik berpengaruh di Selangor.

SPRM juga telah menggeledah enam premis iaitu sebuah kediaman dan lima unit pejabat di sekitar Lembah Klang berhubung siasatan skandal rasuah perlombongan pasir tersebut.

Dalam pada itu, Zainal Adnan menegaskan, siasatan terhadap semua pihak terlibat termasuk pegawai yang masih berkhidmat dan mereka yang telah meninggalkan MBI juga perlu dilakukan.

Ujarnya, syarikat atau pegawai kerajaan negeri yang terlibat dalam pengurusan memperoleh konsesi juga perlu disiasat," katanya.



SINAR HARIAN

23.10.2024
(RABU)

3 anggota polis tidak mengaku salah terima rasuah

MELAKA - Tiga anggota polis didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini pada Selasa atas tuduhan meminta dan menerima suapan bagi melindungi pasangan kekasih yang ditahan berduaduaan.

Tertuduh, Muhamad Adham Samsudin, 34, Wan Muhammad Fauzi Zulkefli, 29, dan Muhammad Najib Muhamad, 36, bagaimanapun membuat pengakuan tidak bersalah, sebaik dua pertuduhan terhadap mereka dibacakan di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Berdasarkan pertuduhan pertama, kesemua tertuduh didakwa meminta secara rasuah wang tunai RM3,000 daripada sepasang kekasih sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan lanjut selepas ditahan berduaduaan dalam kenderaan.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di dalam bilik rehat 'Ops Lejang' Balai Polis Melaka Tengah antara jam 2.40 pagi hingga 3.30 pagi, pada 7 Oktober 2023.



Tiga anggota polis dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Melaka pada Selasa.

Bagi pertuduhan kedua pula, mereka didakwa menerima wang rasuah itu ketika berada di meja batu bersebelahan Pondok Polis Pelancong, Jonker Walk sekitar jam 4 hingga 4.30 pagi pada tarikh sama.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM Abd Muntaqim Abdul Aziz mencadangkan jaminan RM10,000 dan memohon syarat tambahan supaya tertuduh menyerahkan pasport kepada mahkamah serta melapor diri di pejabat SPRM

Melaka sekali setiap bulan.

Kesemua tertuduh yang diwakili peguam Umar Zulkarnain bagaimanapun merayu jumlah jaminan dikurangkan.

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan RM8,000 bagi setiap tertuduh serta bersetuju dengan syarat-syarat tambahan yang dipohon oleh pihak pendakwaan.

Mahkamah menetapkan 20 November depan sebagai tarikh sebutan semula kes dan serahan dokumen.



BERITA HARIAN

25.10.2024
(JUMAAT)

Kes rasuah konsesi pasir MBI

SPRM temui petunjuk baharu

Agensi masih kumpul bukti untuk tahan individu berpengaruh dikaitkan kes

Oleh Ahmad Hasbi
bhnews@bh.com.my

Nilai: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menemui petunjuk baharu siasatan Menteri Besar Selangor Pembedanaan (MBI) berhubung kes rasuah konsesi perlombongan pasir.

Bagaimanapun, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata buat masa ini pihaknya tidak boleh mendedahkan perkara itu kerana masih mengumpul keterangan daripada saksi.

"Siasatan masih lagi dijalankan dan keterangan saksi sedang dikumpulkan.

"Memang ada keterangan baharu yang diperoleh, tetapi buat masa ini saya tidak boleh kongsi lagi.

"Ada petunjuk baharu yang menunjukkan saham yang diperoleh oleh (individu) yang terbabit dalam siasatan ini diperoleh untuk kegunaan sendiri dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Tamat Latihan Kursus Asas Pegawai SPRM (Penolong



Azam (kiri) beramah mesra bersama penerima Anugerah Kadet Terbaik Keseluruhan, Penolong Penguasa Mohamad Ikhtal, Mohamad Huzir Affandi (dua dari kanan) pada Majlis Tamat Latihan Kursus Asas Pegawai SPRM di Padang Kawad Pusat Latihan Asas, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia, semalam. (Foto HERNAMA)

Penguasa Gred P29) di Padang Kawad Pusat Latihan Asas, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia, di sini semalam.

Mengulas mengenai individu berpengaruh yang akan ditahan seperti yang dimaklumkan sebelum ini, Azam berkata, pihaknya masih mengumpul bukti dan melihat sama ada hasil keterangan menjurus kepada individu itu atau sebaliknya.

"Apabila sampai masa kelak, kita akan panggil. Buat masa ini kumpul semua bukti dulu jika individu itu berkaitan dan sekiranya perlu, kita perlu lihat adakah menjurus kepada beliau

atau tidak.

"Sekiranya betul-betul menjurus kepada beliau, beliau perlu menjawab untuk tujuan membantu siasatan," katanya.

Tiada tangkapan terbaru

Ditanya mengenai tangkapan terbaru, Azam berkata, bekas Ketua Pegawai Operasi (COO) MBI yang ditahan reman selama tujuh hari sudah dibebaskan selepas reman tamat dan setakat ini tiada tangkapan terbaru.

Beliau berkata, sehingga kini pihaknya sudah melakukan serbuan ke sembilan premis di se-

kitar Lembah Klang, namun setakat ini tiada premis atau kenderaan yang disita kerana tiada keperluan.

"Untuk premis setakat ini kalau tak silap saya lebih kurang sembilan yang sudah dijejak. Kita tidak sita sebarang premis kerana ia (premis) bukan milik mereka, ada premis yang milik seseorang yang tinggal di situ dan bukan perkara yang berkaitan dalam siasatan kami, jadi tidak boleh sita.

"Ada yang bertanya mengenai sitaan kenderaan, tiada kenderaan yang disita setakat ini sebab tiada keperluan," katanya.



BERITA HARIAN

25.10.2024
(JUMAAT)

Tiada keperluan buka cawangan SPRM di KLIA

Nilai: Belum ada keperluan untuk mewujudkan cawangan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) berikutan skandal rasuah mengatur kaunter atau *counter setting* di pintu masuk berkenaan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata bagaimanapun sehingga ini, pihaknya menempatkan satu unit pemantauan di KLIA.

"Ada pihak mencadangkan (buka cawangan), tetapi kita sekadar menubuhkan satu unit di sana yang menjalankan pemantauan.

"Kalau menubuhkan cawangan untuk tujuan menerima laporan dan sebagainya buat masa ini tidak ada keperluan kerana pertamanya SPRM dengan KLIA tak begitu jauh dari segi perjalanan lebih kurang dalam 40 minit.

"Keduanya, SPRM Selangor juga tidak begitu jauh. Jadi mana-mana pihak yang ingin menghubungi kami sebenarnya tiada masalah," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Mengulas mengenai reformasi yang dilakukan Jabatan Imigresen terhadap sistem kaunter di KLIA, Azam berkata, pihaknya sentiasa berhubung dengan barisan tertinggi jabatan itu bagi memantau perkara berkenaan.

"Saya dengan Ketua Pengarahnya (Datuk Zakaria Shaaban) dari semasa ke semasa ada perbincangan secara tidak formal cuma sampai masa kelak kami berdua akan duduk berbincang dan juga melawat kaunter tersebut.

"Buat masa ini kita beri peluang kepada ketua pengarah yang baharu ini untuk melihat sendiri dan memperbetulkan mana-mana yang tidak betul berhubung dengan sistem kaunter di KLIA dan KLIA 2," katanya.

Dalam perkembangan lain, Azam berkata pihaknya menyambut baik saranan bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Rafidah Aziz berhubung pelaksanaan sistem pemantauan perbelanjaan belanjawan secara berkala di setiap peringkat tata urus kerajaan bagi memastikan tiada penyelewengan atau rasuah berlaku.

"Saya secara peribadi menyokong saranan berkenaan tetapi terpulang kepada Kementerian Kewangan kerana mereka lebih arif menegnai perkara ini sama ada perlu berbincang dengan lebih lanjut dengan pihak yang mencadangkan perkara ini," katanya.



BERITA HARIAN

25.10.2024
(JUMAAT)

Kes 'counter setting'

Warga Bangladesh didakwa rasuah

Butterworth: Seorang warga Bangladesh yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana terbabit dalam sindiket *counter setting* didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini semalam terhadap pertuduhan menerima rasuah RM2,000 daripada seorang wanita warga Indonesia sebagai dorongan membantu menyahkan senarai hitam Imigresen.

Alif Khan, 35, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Zulhazmi Abdullah.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa menerima suapan wang RM2,000 daripada seorang wanita warga Indonesia sebagai dorongan membantu menyahkan senarai hitam Imigresen.

Kesalahan didakwa dilakukan di pekarangan sebuah hotel di Jalan Penang, Georgetown, dekat sini antara jam 9.20 malam hing-

ga 9.45 malam, pada 17 Oktober lalu.

Pendakwaan dikemuka mengikut Seksyen 16(a) (A) Akta SPRM 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh berdepan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Afiqa Liyana Rozman, manakala tertuduh diwakili peguam Lim Sheng Zen.

Afiqa Liyana memohon mahkamah tidak menawarkan jaminan terhadap tertuduh kerana bukan warganegara Malaysia.

"Tertuduh mungkin terbabit dengan sindiket luar negara yang dikhuatiri menyebabkan dia melarikan diri ke negara asal atau negara lain.



Alif diiringi anggota SPRM tiba di Mahkamah Butterworth, semalam.

(Foto Danial Saad/BH)

"Apatah lagi tertuduh menyewa di Bayan Lepas dan tidak ada tempat tinggal tetap. Namun, jika mahkamah ingin membenarkan tertuduh diikat jamin, diharapkan dapat meletakkan wang jaminan paling tinggi, selain syarat tambahan," katanya.

Bagaimanapun, peguam tertu-

duh, Lim Sheng Zhe, merayu anak guamnya dibenarkan ikat jamin dan sedia memberi kerjasama sehingga perbicaraan selesai.

Mahkamah kemudian memutuskan tidak membenarkan tertuduh diikat jamin dan menetapkan 20 November depan sebagai tarikh sebutan semula kes.



BERITA HARIAN

26.10.2024
(SABTU)

Ahli perniagaan ditahan SPRM kes tuntutan palsu RM45,000

Kota Kinabalu: Seorang ahli perniagaan ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki mengemukakan tuntutan palsu membabitkan pembekalan bahan mentah bagi penyelenggaraan dan pembaikan sekolah bernilai RM45,000.

Suspek lelaki berusia lingkungan 40-an disyaki mengemukakan tuntutan yang mengandungi butiran palsu itu kepada sebuah pejabat pendidikan daerah di Sabah.

Menurut sumber, suspek yang juga pemilik perniagaan ditahan kira-kira jam 12.30 tengah malam kelmarin ketika hadir bagi memberi keterangan di pejabat SPRM Sabah.

Susulan penahanan itu, suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Kota Kinabalu, Sabah pagi semalam dan Majistret Portia Tham Ong Leng membenarkan permohonan SPRM untuk menahan reman selama tujuh hari sehingga 1 November ini bagi siasatan lanjut kes.

“Suspek dipercayai melakukan perbuatan itu pada tahun 2024, di mana dia telah mengemukakan dua tuntutan bayaran kira-kira RM25,000 dan RM20,000.

“Tuntutan bayaran itu adalah bertujuan bagi membekalkan bahan mentah bagi pembaikan dan penyelenggaraan sekolah tetapi pembekalan tidak dilaksanakan,” katanya.



HARIAN METRO

26.10.2024
(SABTU)

SPRM pantau banteras *counter setting*

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sentiasa memantau pintu masuk negara ini termasuk lapangan terbang antarabangsa di seluruh negara susulan kes jenayah *counter setting* (kaunter khas kemasukan warga asing).

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, lapangan terbang adalah kawasan tumpuan memandangkan ia adalah pusat keluar dan masuk negara ini.

"Dalam isu ini, kita lihat kawasan paling besar iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan (kegiatan) bertumpu di sana. Ini kerana ia adalah pusat kemasukan pihak luar yang perlu

kita tumpukan. Mungkin kegiatan ini ada berlaku di tempat lain memandangkan ada negeri mempunyai pintu masuk yang perlu melalui pemeriksaan imigresen.

"Justeru, pintu-pintu masuk ini (di negeri lain) juga dibuat pemantauan," katanya selepas Majlis Apresiasi Penambahbaikan Tatakelola Agensi (APTA) 2024 di Ibu Pejabat SPRM, di sini, semalam.

Sebelum ini, SPRM membongkar kegiatan sindiket membawa masuk warga asing termasuk dari Myanmar, Bangladesh, Indonesia, India, Pakistan dan Nepal melalui pintu masuk negara tanpa pemeriksaanan pihak berkuasa.

Harian Metro
Sabtu - 26/10/24



BERITA HARIAN

26.10.2024
(SABTU)

Pintu masuk negara dalam radar SPRM

Tumpuan utama di lapangan terbang antarabangsa kesan, banteras 'counter setting'

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

Putrajaya: Semua pintu masuk ke negara ini, terutama lapangan terbang antarabangsa berada dalam radar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi mengesan dan membanteras skandal rasuah mengatur kaunter atau *counter setting*.

Tumpuan lebih diberikan kepada pintu masuk utama dan besar yang menerima jumlah pelancong paling tinggi seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata lapangan terbang menjadi tumpuan pihaknya kerana ia adalah pusat keluar masuk utama ke Malaysia.

"Dalam isu ini, kita lihat kawasan paling besar adalah Lapangan Terbang Antarabangsa

Kuala Lumpur (KLIA) dan kita bertumpu di sana.

"Mungkin kegiatan ini (bawa masuk warga asing tanpa pemeriksaan pihak berkuasa) ada juga berlaku di tempat lain memandangkan ada pintu masuk di negeri yang warga asing perlu melalui pemeriksaan imigresen.

"Justeru, pintu masuk ini (di negeri lain) juga dalam pantauan (SPRM)," katanya selepas menyempurnakan Majlis Apresiasi Penambahbaikan Tatakelola Agensi (APTA) 2024 peringkat negeri di Ibu Pejabat SPRM, di sini semalam.

Tahan 60 individu

Setakat bulan lalu, SPRM sudah menahan 60 individu, termasuk 50 pegawai agensi penguat kuasa yang disyaki terbabat dalam kegiatan *counter setting* di pintu masuk negara.

Daripada 50 penguat kuasa yang ditahan, 49 adalah pegawai Jabatan Imigresen, manakala seorang lagi anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) berpangkat sarjan.

Turut ditahan dalang utama yang juga seorang pegawai imigresen 'berpengaruh' berusia 40-an bersekongkol dengan sindiket membawa masuk warga asing menggunakan modus operandi sama.

Dalang utama itu dipercayai



Azam menyampaikan sijil penghargaan khas APTA kepada wakil penerima pada Majlis Apresiasi Penambahbaikan Tatakelola Agensi (APTA) di Putrajaya, semalam.
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

mengawal lebih kurang 50 pegawai penguat kuasa.

Tiga operasi khas dilancarkan SRPM sejak 20 Ogos lalu bagi membanteras skandal rasuah berkenaan, iaitu Op Pump, Op Pump 2.0 dan Op Setting.

Pertengahan September lalu, Azam menyenaraikan 11 masalah dan kelemahan utama membabitkan Jabatan Imigresen sehingga membuka ruang kepada sindiket berkenaan.

Antara kelemahan disenaraikan adalah kelonggaran aspek kawalan dalaman ketika bertugas sehingga menyebabkan pegawai imigresen mudah didekati ejen sindiket, selain pusingan tempat kerja pegawai imigresen di KLIA Terminal 1 dan 2 tidak sistematik.

Pusingan kerja tidak sistematik menyebabkan ejen dan sindiket senang berurusan dengan penyelia mahupun pegawai yang menjaga kaunter kerana tahu pegawai mana akan bertugas di

kaunter mana dan akan berlaku 'counter setting'.

Selain itu, kurang pemantauan dan penyeliaan sehingga menyebabkan wujud kelompokan dalam kaedah kerja, manakala sistem pemeriksaan kemasukan warga asing juga mudah dimanipulasi dan susah membuat semakan semula.

Kelemahan lain, terlalu selesa dan lama bertugas di lokasi sama sehingga ada pegawai imigresen turut memberi dan membayar rasuah dalam kalangan mereka sendiri.

Siasatan SPRM turut mendapati wujud amalan dalam kalangan pegawai imigresen yang menerima rasuah bagi melepaskan warga asing yang tidak menepati syarat kemasukan.

Turut dikesan, tiada prosedur operasi standard (SOP) dan pengawasan yang ketat serta tiada tanggungjawab membuat operasi besar-besaran menahan pendatang asing tanpa izin (PATI).



SINAR HARIAN

26.10.2024
(SABTU)

SPRM pantau semua lapangan terbang

Tumpuan diberikan terhadap KLIA yang menjadi pintu masuk utama warga asing

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN PUTRAJAYA**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sentiasa memantau semua lapangan terbang susulan pembongkaran 'counter setting' melibatkan penguat kuasa sebuah agensi yang bertugas di pintu masuk negara.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, tumpuan bagaimanapun diberikan terhadap Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang menjadi pintu utama kemasukan warga asing ke negara ini.

"Tempat-tempat lain seperti Johor ada juga kemasukan warga asing, tetapi yang besarnya di KLIA," katanya kepada pemberita selepas penganjuran Majlis



GAMBAR HIASAN

SPRM sentiasa memantau semua lapangan terbang di negara ini, namun tumpuan diberikan terhadap KLIA yang merupakan pintu masuk utama negara.

Apresiasi Penambahbaikan Tatakelola Agensi (APTA) di sini pada Jumaat.

Sebelum ini, SPRM mendedahkan beberapa penguat kuasa sebuah agensi menjadi tali barut kepada satu sindiket dengan menerima wang rasuah jutaan

ringgit hasil daripada kemasukan warga asing secara tidak sah melalui modus operandi *counter setting*.

Siasatan mendapati terdapat kemasukan wang berjumlah lebih RM4 juta dari tahun 2022 hingga 2024 di-

percayai bagi urusan kemasukan warga asing dari Myanmar, Bangladesh, Indonesia, India, Pakistan dan Nepal yang turut diagih-agihkan kepada penguat kuasa terlibat.

Sementara itu, mengulas mengenai kes 1BestariNet, Azam berkata, pihaknya memerlukan sedikit masa lagi sebelum dapat mengumumkan hasil daripada siasatan yang dijalankan.

"Saya tangguhkan dahulu pengumuman apa yang patut, nanti tunggu sehingga pegawai saya selesai menjalankan siasatannya.

"Saya (juga) sentiasa memantau siasatan ini dari semasa ke semasa, jadi buat masa ini, tak payah tanya orang lain, tanya saya sahaja tentang perkembangan (kes) itu. Buat masa ini saya rasa belum lagi nak umumkan, bagi masa sikit," katanya.

SPRM sebelum ini telah memulakan siasatan ke atas tuntutan bayaran bagi tender perkhidmatan 1BestariNet bernilai RM4 billion yang dianugerahkan kepada YTL Communications Sdn Bhd (YTL) pada 2011.

Difahamkan, siasatan itu bermula selepas penggeledahan di pejabat kerajaan dan pejabat YTL di ibu negara, pada 4 September lalu.



SINAR HARIAN

26.10.2024
(SABTU)

'Mereka ini pengkhianat'

Label kepada penguat kuasa terlibat rasuah membenarkan warga asing masuk secara haram

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI PUTRAJAYA

Penguat kuasa yang terlibat mengambil rasuah, salah laku dan mengabdikan maruah negara layak digelar pengkhianat, tegas Pengerusi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC), Tan Sri Dr Ismail Bakar.

Katanya, label pengkhianat merujuk kepada mereka yang telah dibenarkan amanah tetapi menjual maruah semata-mata demi duit dan kepentingan diri. "Saya menjual maruah negara, jual Mykad, atur kaunter dan sebagainya, kita tidak panggil penjenayah, ini bukan penjenayah tetapi pengkhianat. Jika dianggap sebagai penjenayah, orang di luar anggap ia seperti normal.

"Tapi kalau kita tukar kepada pengkhianat, apa maksudnya? Maksudnya orang yang diberi amanah tidak amarah, jual amanah itu untuk kepentingan diri itulah pengkhianat. Khianat kepada negara.

"Geleran pengkhianat di luar dapat memberi kesan kepada masyarakat untuk menjauhinya agar tidak dilabel sedemikian. Contohnya se-

orang itu didapati terlibat dalam counter setting (atur kaunter), dia adalah pengkhianat negara. Jika dulu, pengkhianat ini banyak disebut di zaman komunis," katanya dalam temu bual bersama Sinar Harian di Ibu Pejabat EAIC di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, isu salah laku dan pelanggaran integriti dalam kalangan penjawat awam terutama agensi penguatkuasaan sekarang ini adalah satu kegagalan soal jati diri.

Jelasnya, apa yang diperlukan ialah pengukuhan undang-undang sedia ada termasuklah peraturan, prosedur operasi standard (SOP), latihan dan jati diri.

"Saya nampak masalah integriti berlaku bermula dengan niat individu itu.

"Contohnya apa yang berlaku dalam isu counter setting. Kejadian ini bukan satu perkara yang tiba-tiba berlaku, ia bukan dilakukan secara perseorangan tetapi ramai.

"Bila nilai, orang dan prosedur yang perlu dianggar mesti ada satu kumpulan. Ini melibatkan satu perancangan dan pakatan kumpulan berkenaan," katanya.

Jelas beliau, isu mengatur kaunter ini sudah lama berlaku dan slasatan mendapati kes ini berlaku pada awal pagi.

"Mengapa ia berlaku pada awal pagi dan bukan pada waktu lain? Adakah waktu awal pagi ada kelonggaran prosedur? Ini perlu diteliti.

"Kita perlu lihat bagaimana pusingan kerja dan sebagainya. Sekarang ada ruang dan pe-

luang, di situ lah benda itu berlaku selain faktor mahu hidup mewah," ujarnya.

Cadang laksana pemprofilan

Berikutan itu, kata Ismail, dalam usaha membanding isu sebegini, EAIC mencadangkan pelaksanaan pemprofilan wajib ke atas pegawai dan anggota penguat kuasa yang bertugas di posisi risiko tinggi.

Tambah beliau, tempat risiko tinggi ini meliputi tugas seperti menguruskan keluar masuk kontena di pelabuhan, mengeluarkan Mykad dan lesen memandu.

"Pertamanya kita sedakan minimum pemprofilan tetapi dalam jangka panjang kita buat 360 darjah (lebih terperinci) supaya dapat tahu butiran termasuklah ahli keluarga, bank, kenalan dan sebagainya agar ada pemantauan," katanya.

Selain itu tambahnya, EAIC juga mahukan penggunaan kamera badan kepada pegawai dan anggota yang terlibat dalam operasi di lapangan terutama tugas di tempat berisiko tinggi seperti lapangan terbang dan sempadan pintu masuk negara.

Integriti jadi agenda mesyuarat

Jelasnya, turut dicadangkan juga integriti dijadikan sebagai agenda tetap dalam setiap mesyuarat mingguan agensi awam.

"Kebiasaan, ketua jabatan akan mengendalikan mesyuarat mingguan atau bulanan. Jadi, dia hendaklah jadikan integriti, etika dan salah laku sebagai agenda wajib yang diberi perhatian.

"Adalah menjadi tugas unit integriti jabatan untuk laporan perkara dalam mesyuarat itu dan kita akan memantainya. Inya ALLAH kita akan cadangkan perkara ini kepada Ketua Setiausaha Negara agar ia dapat dijadikan dengan lebih serius," ujarnya.

Pangkat rendah, kuasa besar

Mengulas mengenai kes mengatur kaunter, Ismail berkata, EAIC mendapati ada anggota pangkat rendah tetapi memegang tanggungjawab dan kuasa yang tinggi.

"Di situ dari segi keberangkuhan salah guna kuasa adalah tinggi. Disedangkan supaya grad atau perjawatan di posisi itu dinaikkan agar seimbang dengan tanggungjawabnya.

"Struktur penyelesaian yang melibatkan pegawai grad lebih tinggi, seperti grad 38 atau 42 ini



SPRM menahan individu yang dikaitkan dengan kes atur kaunter.

bertujuan untuk memastikan keputusan yang lebih rasional dan bertanggungjawab dalam penguatkuasaan," katanya.

Menurut beliau, EAIC turut mencadangkan penambahbaikan teknologi iaitu peningkatan sistem pagar automatik di KLIA sebagai langkah penting untuk mencegah amalan atur kaunter.

"Penambahan jumlah autogate dan teknologi terkini, proses pemeriksaan menjadi lebih efisien dan telus.

"Setiap autogate (pagar automatik) akan dilengkapi dengan sistem yang secara automatik menolak kompasukan individu yang tidak memenuhi syarat, sekaligus mengurangkan interaksi langsung dengan pegawai dan potensi untuk terlibat dalam rasuah," katanya.

Jelas beliau, langkah jangka masa panjang terutama di KLIA ialah menghapuskan operasi kaunter secara manual.

"Lapangan terbang di Singapura dan Indonesia menunjukkan bahawa mereka mempunyai 50 autogate dengan satu penyelia bagi setiap 10 autogate dan memberi gambaran

bagaimana sistem ini dapat beroperasi dengan lebih efisien.

Berikutan itu, kata Ismail, beliau berhasrat mahu melihat penjawat awam bersih hingga Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan EAIC boleh ditutup kerana rakyat negara ini tidak terlibat dengan salah laku dan rasuah.

"Tapi kalau hendak sampai ke tahap ini merupakan satu cabaran yang besar," katanya.

Pada Selasa, laporan muka depan Sinar Harian secara eksklusif melaporkan Ketua Pasuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki tidak menghapuskan sepenuhnya amalan rasuah dalam kalangan berisik hadapan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) yang dilihat semakin parah selepas tertangkapnya 50 pegawai agensi itu yang menjaga pintu masuk negara.

Malah, Azam menegaskan, pengkhianat atau tali barut yang terlibat dalam isu pembolosan sempadan dan kebocoran maklumat sulit sehingga sanggup menggadai negara tidak layak diberi pengampunan sama sekali.



Laporan Sinar Harian mengenai kes rasuah melibatkan Imigresen baru-baru ini.



BERITA HARIAN

27.10.2024
(AHAD)

SPRM tahan dua pegawai kanan PPD

Kota Kinabalu: Dua pegawai kanan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) sebuah daerah di negeri ini ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah, kelmarin.

Suspek lelaki dan wanita berusia lingkungan 40-an itu ditahan kerana disyaki menerima rasuah membabitkan pelantikan pembekal bahan mentah untuk penyelenggaraan dan pembaikan sekolah di sekitar Kudat, bernilai RM600,000.

Sumber berkata, kedua-dua suspek ditahan kira-kira jam 3 petang, ketika tampil memberi keterangan di Pejabat SPRM Sabah.

Susulan penahanan itu, semua suspek dibawa ke Mahkamah Kota Kinabalu, Sabah pagi semalam dan dikenakan perintah reman selama empat hari bermula semalam sehingga 30 Oktober ini oleh Penolong Kanan Pendaftar, Dzul Elmy Yunus.

"Suspek dipercayai

menerima sejumlah rasuah pada 2023 hingga 2024 melalui kemasukan wang ke akaun bank proksinya.

"Suspek dipercayai menerima rasuah sebagai balasan untuk berpakat melantik beberapa pembekal dalam urusan perolehan secara pembelian terus dan sebut harga bagi pembekalan bahan mentah penyelenggaraan dan pembaikan sekolah di daerah berkenaan," katanya.

Tangkapan ini susulan penahanan seorang pemilik perniagaan kelmarin kerana disyaki mengemukakan dua tuntu-

tan palsu bernilai kira-kira RM45,000.

Sementara itu, Pengarah SPRM Sabah, Datuk S Karunanithy ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit dan berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Baru-baru ini, Ahli Parlimen Kudat, Datuk Verdon Bahanda, mendedahkan isu kartel penyelewengan dana sekolah membabitkan Pejabat Pendidikan Daerah Kudat sewaktu ucapan perbahasan dasar Belanjawan 2025 di Parlimen dan menggesa SPRM menjalankan siasatan.





BERITA HARIAN

28.10.2024
(ISNIN)

SPRM sokong langkah KPKT perkukuh integriti dalam PBT

Suruhanjaya sedia berikan khidmat nasihat, latihan pastikan penubuhan Unit Integriti

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yakin inisiatif Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memasukkan kriteria baharu berkaitan pencegahan rasuah akan meningkatkan ketelusan dalam prestasi pihak berkuasa tempatan (PBT), bermula tahun ini.

Setakat ini, hanya 49 PBT menubuhkan Unit Integriti masing-masing.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata penambahbaikan langkah itu penting untuk memperkukuh integriti, tadbir urus dan tatakelola demi merealisasikan sistem perkhid-

Keratan akhbar BH, semalam.



matan awam yang cekap, bersih dan berkesan.

Sehubungan itu, katanya, SPRM bersedia memberi sokongan dari segi khidmat nasihat dan latihan bagi memastikan penubuhan Unit Integriti di setiap 156 PBT di seluruh negara selaras keperluan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM) Ceraian 1.2.1: Penubuhan Unit Integriti (UI) dalam semua sektor awam.

"Penubuhan itu seperti disarikan dalam Strategi Pembanteraan Rasuah Nasional (NACS)," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Kelmarin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming, mendedahkan 12 PBT diturunkan penarafan di bawah Sistem Penarafan Bintang PBT (SPB-PBT) susulan penyenaian kriteria baharu berkaitan pen-

Unit berkenaan penting untuk membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tata kelakuan dan etika pada peringkat agensi

Azam Baki,
Ketua Pesuruhjaya SPRM



cegahan rasuah.

Tanpa mendedahkan senarai 12 PBT itu, beliau memaklumkan kriteria penilaian baharu berkenaan diwujudkan bagi memastikan negara dapat meningkatkan kedudukan dalam ranking Indeks persepsi rasuah (CPI).

Dalam perkembangan berkaitan, Azam berkata, pihaknya menggesa penubuhan Unit Integriti di setiap PBT supaya ia diberikan keutamaan.

"Unit berkenaan penting untuk membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tata kelakuan dan etika pada peringkat agensi.

"Bagi tujuan ini, Unit Integriti perlu melaksanakan enam Fungsi Teras UI dengan berkesan iaitu Tadbir Urus, Pengukuhan Integriti, Pengesanan dan Pengesa-

han, Pengurusan Aduan, Pematuhan dan Tatatertib," katanya.

Azam berkata, dalam hal ini, Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) SPRM akan membantu menyelaras pelaksanaan fungsi UI, di samping menyediakan dasar dan mekanisme pengurusan UI bagi agensi awam.

"Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), sebuah institusi bertaraf antarabangsa di bawah SPRM turut memainkan peranan penting dalam menyediakan program latihan berkaitan pencegahan rasuah dan integriti.

"SPRM mengalu-alukan kerjasama dan kolaborasi berterusan daripada agensi awam untuk melaksanakan inisiatif yang digariskan dalam NACS.

"Melalui usaha ini, kita dapat memperkukuhkan imej negara dan merealisasikan aspirasi bersama untuk memperbaiki kedudukan Malaysia dalam CPI," katanya.

Naikkan prestasi

Sementara itu, Presiden Transparency International Malaysia (TI-M), Dr Muhammad Mohan, berkata langkah KPKT memasukkan kriteria baharu berkaitan pencegahan rasuah dalam SPB-PBT berupaya memperbaiki kelemahan serta menaikkan prestasi.

Katanya, langkah itu adalah tindakan positif yang dapat menggalakkan agensi atau PBT meningkatkan pencapaian masing-masing.

"Meskipun tidak dijelaskan secara terperinci apa kriteria itu, usaha KPKT memasukkan komponen rasuah dalam sistem penarafan amat dialu-alukan.

"Penurunan skor dan ranking di beberapa PBT harus diambil secara positif dan pihak berkenaan perlu berusaha perbaiki kelemahan, selain mencari jalan menaikkan prestasi.

"Itu semangat sepatutnya ada di PBT," katanya kepada BH, semalam.